

MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS
2024

HARI SELASA : 15 OKTOBER 2024

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN
(SOALAN NO. 9 HINGGA NO. 46)**

NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN YOUNG SYEFURA BINTI OTHMAN
[BENTONG]**

TARIKH : 15 OKTOBER 2024 (SELASA)

SOALAN

PUAN YOUNG SYEFURA BINTI OTHMAN [BENTONG] minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan baru-baru ini tiga syarikat media sosial terbesar iaitu Meta, Snap dan Tiktok bersama dengan The Mental Health Coalition bekerjasama membentuk satu inisiatif yang dipanggil *Thrive* untuk membendung kandungan bunuh diri dan berkaitan kesihatan mental. Apakah rancangan kementerian untuk turut bekerjasama dalam inisiatif ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) melalui Forum Kandungan Komunikasi dan Multimedia Malaysia (CMCF) komited dalam memastikan semua kandungan dalam talian berkaitan bunuh diri dilaporkan secara bertanggungjawab dan beretika dengan berdasarkan Kod Kandungan 2022. Kod Kandungan 2022 dengan jelas menyatakan larangan terhadap sebarang kandungan yang bersifat jenaka atau penghinaan berasaskan kesihatan mental, diskriminasi terhadap orang kurang upaya mental dan sebarang kandungan lain yang boleh dianggap mengeji atau menyinggung perasaan mereka.

Dalam hal ini, CMCF sedang bekerjasama dengan pemain industri, pejuang kesihatan mental, pengamal perubatan dan Pusat Kecemerlangan Kesihatan Mental Negara (NCEMH) di bawah Kementerian Kesihatan untuk membangunkan Garis Panduan Pelaporan dan Perkongsian Kandungan Berkaitan Bunuh Diri Secara Beretika. Garis panduan tersebut antara lain bertujuan untuk menggalakkan amalan kandungan bertanggungjawab yang seimbang antara hak masyarakat untuk mengetahui maklumat dan keperluan untuk mengelakkan mudarat.

CMCF juga menjalankan kerjasama erat dengan penyedia perkhidmatan, antaranya seperti META dalam menjalankan program *Creators IRL*, yang bertujuan untuk melengkapkan pencipta kandungan (*Content Creators*) dengan pengetahuan, alat dan pengalaman bagi menangani ancaman dalam talian dan menghasilkan kandungan yang selamat dan bermanfaat. Perkongsian kandungan berkaitan bunuh diri secara bertanggungjawab dan kepentingan kesihatan mental dalam mengharungi dunia dalam talian turut menjadi sebahagian daripada modul CMCF untuk program ini.

SOALAN NO : 9

Berhubung inisiatif *Thrive* yang dinyatakan, inisiatif tersebut adalah merupakan satu bentuk usaha sama yang dibangunkan secara sendiri di antara penyedia perkhidmatan dalam talian iaitu Meta, Snapchat dan TikTok dengan The Mental Health Coalition yang dilaksanakan di peringkat antarabangsa. MCMC mengambil maklum akan usaha sama tersebut dan sedia memberikan kerjasama serta sokongan penuh terhadap usaha pelbagai pihak termasuk *Thrive* bagi membendung kandungan bunuh diri dan berkaitan kesihatan mental.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN ZAKRI BIN HASSAN
[KANGAR]**

TARIKH : 15 OKTOBER 2024 (SELASA)

SOALAN

TUAN ZAKRI BIN HASSAN [KANGAR] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan berapa peruntukan yang diberikan kepada Yayasan Kebajikan Atlet Kebangsaan (YAKEB) pada tahun 2024 memandangkan bilangan atlet YAKEB semakin bertambah dan kebajikan mereka perlu dijaga.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pada tahun 2024, Kerajaan melalui Kementerian Belia dan Sukan telah memperuntukkan sebanyak RM1 juta kepada Yayasan Kebajikan Atlet Kebangsaan (YAKEB). Sehingga September 2024, YAKEB telah membelanjakan sebanyak RM781,087.86 untuk memberikan bantuan kepada 1,514 bekas atlet meliputi aspek perubatan, khairat kematian, bantuan bencana alam, kewangan, pendidikan, kesinambungan kerjaya, latihan kemahiran dan latihan kejurulatihan.

Di samping peruntukan daripada pihak Kerajaan, pada tahun 2024 YAKEB turut menerima sokongan dana daripada pelbagai agensi lain termasuk badan korporat sebanyak RM80,823.15 bagi membantu menampung kos pengoperasiannya.

Sekian, Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN
(KLANG)**

TARIKH : 15 OKTOBER 2024 (SELASA)

SOALAN

TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN [KLANG] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan status terkini bagi kajian terhadap teknologi baharu bahan turapan jalan menggunakan campuran bitumen dan sisa plastik terpakai untuk mengatasi isu kerosakan jalan terutama di kawasan kerap dilalui kenderaan berat.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, merujuk kepada kajian terhadap teknologi baharu bahan turapan jalan menggunakan campuran bitumen dan sisa plastik terpakai untuk mengatasi isu kerosakan jalan, Kementerian Kerja Raya melalui Pusat Kecemerlangan Kejuruteraan dan Teknologi JKR (CREaTE) telah menjalankan beberapa siri kajian dengan memanfaatkan penggunaan sisa plastik dalam campuran bahan turapan jalan bermula sejak tahun 2019 lagi. Kajian telah dilaksanakan dengan mengkaji tiga (3) bentuk sisa plastik yang sesuai digunakan sebagai bahan tambah dalam turapan jalan, iaitu *shredded waste*, *agglomer* dan *pellet*. Sisa plastik yang digunakan dalam campuran bahan turapan adalah daripada jenis *consumer waste* iaitu daripada bahan buangan orang awam seperti plastik bungkusan makanan, barangan atau kegunaan harian (*single used*).

Ujian yang telah dijalankan dalam kajian ini merangkumi ujian makmal dan pemerhatian secara visual di tapak setelah penghamparan bahan turapan dibuat. Ujian di makmal dilaksanakan untuk menentukan sejauh mana campuran *asphalt* boleh menahan beban sebelum ia mengalami kegagalan iaitu retak atau berubah bentuk. Ini penting kerana turapan jalan perlu mempunyai kestabilan yang mencukupi untuk menahan beban trafik yang berterusan tanpa menyebabkan kerosakan / kegagalan. Ujian di makmal juga dilaksanakan untuk menilai perubahan bentuk campuran *asphalt* apabila dikenakan beban.

Manakala, melalui pemerhatian secara visual di tapak yang telah dipilih termasuk kawasan yang kerap dilalui oleh kenderaan berat, selama dua puluh empat (24) bulan, prestasi bahan turapan daripada sisa plastik berada dalam keadaan baik dari aspek keretakan (*crack*) dan pembentukan aluran (*rutting*). Oleh yang demikian, pemantauan di lokasi kajian yang telah dilaksanakan bermula pada tahun 2019 harus diteruskan sehingga turapan gagal bagi menilai tahap keberkesanan dan prestasi jangka panjang bahan turapan tersebut. Namun begitu, kajian ini hanya dilaksanakan ke atas jalan raya yang mengalami kerosakan fungsi yang

melibatkan lapisan *wearing course* sahaja, di mana lapisan ini memberikan rintangan gelinciran dan melindungi lapisan-lapisan di bawah daripada kerosakan akibat beban trafik. Lapisan *wearing course* ini bukanlah satu-satunya lapisan yang menyumbang kepada kekuatan keseluruhan struktur jalan. Oleh itu, penilaian struktur jalan secara menyeluruh perlu dilaksanakan untuk memastikan semua lapisan berfungsi dengan optimum. Proses penilaian ini harus merangkumi semua lapisan dalam sistem jalan raya, termasuk *wearing course*, *binder course*, *roadbase*, *subbase*, dan *subgrade*.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya melalui Jabatan Kerja Raya (JKR) sentiasa peka dan prihatin terhadap masalah kerosakan jalan akibat isipadu kenderaan berat yang tinggi. Bagi mengatasi masalah ini, rekabentuk struktur jalan yang berdaya tahan tinggi dicadangkan. Selain lapisan asas struktur jalan perlu diperkukuh, turapan permukaan jalan yang berdaya tahan tinggi dicadangkan bagi mengatasi isu kerosakan permukaan jalan di kawasan yang kerap dilalui kenderaan berat. Dalam Spesifikasi Pembinaan Jalan JKR/SPJ/2008-Section 4: Flexible Pavement, terdapat beberapa spesifikasi bahan turapan permukaan jalan berdaya tahan tinggi yang dikenali sebagai bahan turapan terubahsuai (*specialty mix*). Antara yang telah dibangunkan adalah seperti berikut:

- i) *Porous Asphalt*;
- ii) *Stone Mastic Asphalt (SMA)*;
- iii) *Gap Graded Asphalt (GGA)*;
- iv) *Polymer Modified Asphalt (PMA)*;
- v) *Natural Rubber Modified Asphalt (NRA)*;
- vi) *Crumb Rubber Modified Asphalt (CRMA)*; dan
- vii) *Fibre Modified Asphalt (FMA)*.

Sebagai contoh, antara inisiatif JKR dalam menangani isu kerosakan jalan di kawasan kerap dilalui kenderaan berat seperti di Pelabuhan Klang, produk inovasi bahan turapan jalan *Fibre Modified Asphalt* diaplikasikan dalam Projek Membina Dan Menaiktaraf Lingkaran Pulau Indah Fasa 3. Lokasi penggunaan *Fibre Modified Asphalt* ini adalah di laluan utama kenderaan berat yang berulang alik ke pelabuhan. Penggunaan bahan

SOALAN NO : 11

turapan terubahsuai ini secara tidak langsung dijangka dapat meningkatkan daya tahan lasak turapan jalan.

Kementerian Kerja Raya melalui Jabatan Kerja Raya sentiasa komited dalam memastikan jalan raya sentiasa dalam keadaan yang selamat dan selesa kepada semua pengguna jalan raya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' ROSOL BIN WAHID
[HULU TERENGGANU]**

TARIKH : 15 OKTOBER 2024 (SELASA)

SOALAN

YB DATO' ROSOL BIN WAHID [HULU TERENGGANU] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan:

- (a) status terkini projek perumahan terbengkalai seluruh negara dan pecahannya mengikut kategori rumah sehingga Oktober 2024; dan
- (b) tindakan proaktif yang diambil Kementerian berhubung lambakan rumah tidak terjual, terutama rumah mampu milik.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, Kerajaan melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) komited memastikan **setiap rakyat mempunyai tempat tinggal tanpa mengira sama ada secara pemilikan atau sewaan (*shelter for all*)** di bawah rukun MADANI yang mengutamakan kesejahteraan dan kemampanan. Dalam hal ini, KPKT sentiasa berusaha **mengimbangi di antara keperluan menyediakan perumahan mampu milik dengan pengurusan projek perumahan yang baik agar tidak tergolong dalam kategori sakit atau terbengkalai, di samping mengelakkan lambakan rumah tidak terjual.**

Sehingga 30 September 2024, terdapat sebanyak **113 projek perumahan swasta terbengkalai meliputi 30,371 unit rumah dan 15,952 pembeli** sebagaimana termaktub di bawah Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 [Akta 118]. Berdasarkan statistik tersebut, sebanyak **72 projek terbengkalai adalah dalam kategori rumah landed (64%), 36 projek dalam kategori rumah strata (32%) dan lima (5) projek dalam kategori rumah bercampur (4%).**

Namun begitu, sehingga 30 September 2024, sebanyak **14 projek perumahan swasta terbengkalai melibatkan 1,901 unit rumah dengan nilai pembangunan kasar (*Gross Development Value, GDV*) sebanyak RM574.79 juta** telah berjaya dipulihkan atau dilaksanakan penyelesaian di bawah pemantauan **Task Force Projek Perumahan Swasta Sakit dan Terbengkalai (TFST) yang ditubuhkan sejak bulan Disember 2022.**

TFST adalah inisiatif proaktif dan bersasar oleh KPKT untuk memulihkan projek-projek terbengkalai yang rata-ratanya mengambil masa di antara satu (1) hingga lima (5) tahun berdasarkan kompleksiti dan keunikan isu masing-masing. TFST mengambil langkah-langkah seperti berikut:

SOALAN NO : 12

- i. bertindak sebagai **mediator** mencari **jalan penyelesaian** sama ada menyiapkan projek bersama pemaju asal, pemaju penyelamat atau pelikuidasi sehingga mendapat Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (*Certificate of Completion and Compliance*, CCC) atau penyelesaian bersama pembeli;
- ii. **mengadakan libat urus bersama pihak-pihak** merangkumi Kerajaan Negeri, Lembaga Perumahan dan Hartanah Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan, agensi kerajaan, agensi teknikal, dan pemaju bagi mengenal pasti permasalahan serta jalan penyelesaian bersama; dan
- iii. **melaksanakan pindaan ke atas Akta 118** untuk meneliti mekanisme dan kaedah terbaik untuk melindungi kepentingan pembeli yang terlibat dengan projek perumahan terbengkalai.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat selanjutnya, **Kerajaan MADANI turut berusaha menangani isu lambakan rumah tidak terjual terutama kategori Rumah Mampu Milik (RMM)** melalui:

- i. **pemetaan harga RMM** berdasarkan pendapatan median mengikut negeri dan daerah daripada Laporan Survei Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas 2022 yang menjadi panduan kepada pemaju serta agensi penyedia perumahan untuk menetapkan harga jualan rumah di satu-satu lokaliti. Pemetaan harga RMM ini boleh diakses melalui **Dashboard Maklumat Rumah Mampu Milik** di laman web Malaysia *Urban Observatory* (MUO) iaitu <https://www.muo.gov.my>; dan
- ii. menggalakkan pemaju untuk **melaksanakan Kajian Kebolehlaksanaan atau Feasibility Study** sebelum sesuatu pemajuan dimulakan bagi memastikan rumah yang dibina adalah sesuai dengan tahap kemampuan rakyat.

Bagi inisiatif tempoh jangka masa panjang pula, KPKT sedang **membangunkan Sistem Analitis Data Raya (BDA) Perumahan** yang

SOALAN NO : 12

berperanan sebagai **repositori dan sumber rujukan pelbagai pihak berkepentingan dalam sektor perumahan khususnya melibatkan perancangan pemajuan perumahan**. Cadangan pelaksanaan projek ini adalah dengan anggaran kos projek bernilai RM36juta untuk tempoh selama 36 bulan. Melalui sistem BDA Perumahan ini, **modul-modul analitik data perumahan akan dibangunkan dan modul yang telah siap akan diguna pakai terlebih dahulu tanpa perlu menunggu projek siap sepenuhnya**.

Usaha ini membuktikan komitmen tidak berbelah bahagi KPKT bagi memastikan rakyat mendapat akses kepada perumahan yang mampu dimiliki tanpa membelakangkan aspek kualiti rumah yang disediakan untuk kesejahteraan rakyat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HASSAN BIN ABDUL KARIM
[PASIR GUDANG]**

TARIKH : 15 OKTOBER 2024 (SELASA)

SOALAN

TUAN HASSAN BIN ABDUL KARIM [PASIR GUDANG] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah Kerajaan untuk menangani kos perubatan naik sebanyak 12.6 peratus pada tahun 2024 ini di mana terdapat pertambahan 600,000 rakyat dewasa yang menghidap penyakit tidak berjangkit (NCD) dalam tempoh empat tahun sejak 2019.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat Pasir Gudang, merujuk kepada laporan rasmi Bank Negara Malaysia, kadar inflasi kos perubatan di negara ini direkodkan pada tahap 12.6% bagi tahun **2023**, dan **bukannya unjuran untuk tahun 2024**. Namun demikian, angka ini membimbangkan dan mencerminkan cabaran besar yang kita hadapi dalam sektor kesihatan. Sebahagian besar inflasi perubatan ini berpunca daripada **pembayaran terus dari poket (out-of-pocket payment)** dan **kekurangan pembiayaan kesihatan yang prabayar atau terkumpul (prepaid or pooled)**.

2. Walaupun inflasi yang direkodkan ini menyentuh langsung pada kos penjagaan kesihatan dalam sektor swasta, Kementerian Kesihatan amat prihatin terhadap kebimbangan rakyat ini. Isu ini bukan sahaja kritikal kepada sektor kesihatan swasta, tetapi juga memberi **kesan langsung kepada sistem kesihatan awam**. Cabaran ini bukanlah unik kepada Malaysia sahaja, tetapi merupakan **isu global** yang dihadapi oleh banyak negara. Kementerian Kesihatan memahami bahawa penyelesaian yang holistik dan inovatif amat diperlukan untuk menangani isu ini secara berkesan.

3. Dalam usaha memperkasakan rakyat untuk membuat **keputusan yang bermaklumat** (dengan izin, *informed decision*), Kementerian Kesihatan menggalakkan **ketelusan harga (price transparency)** dalam sektor penjagaan kesihatan swasta. Ini akan membolehkan rakyat membuat perbandingan dan membuat keputusan yang lebih tepat mengenai perkhidmatan kesihatan yang mereka perlukan.

4. Kementerian Kesihatan juga menekankan pentingnya **penjagaan kesihatan berasaskan nilai** (dengan izin, *value-based healthcare*), yang memfokuskan kepada **peningkatan tahap kesihatan (outcome-based)** berbanding **pembayaran kepada input (input-based payments)**. Melalui perkhidmatan penyumberluaran yang sedang dilaksanakan, Kementerian Kesihatan menggunakan **pendekatan**

pembeli strategik untuk mendorong sektor swasta untuk menawarkan perkhidmatan dengan margin keuntungan yang lebih rendah tetapi dengan peningkatan jumlah pesakit. Pendekatan ini bertujuan untuk memastikan kualiti penjagaan yang lebih baik dengan kos yang lebih rendah bagi rakyat.

5. Kementerian Kesihatan juga memberi perhatian serius terhadap **faktor penentu sosial untuk kesihatan (*Social Determinants of Health* - SDH)**, yang secara langsung mempengaruhi kesihatan rakyat. Faktor-faktor ini memainkan peranan penting dalam mengekang peningkatan penyakit tidak berjangkit (NCD) seperti kencing manis, darah tinggi, dan penyakit jantung.

6. Dalam usaha untuk memastikan gaya hidup yang lebih sihat, kerajaan telah melancarkan pelbagai inisiatif seperti **Perang Terhadap Gula, cukai ke atas minuman bergula (SSB), sistem label panduan nutrisi depan (*Nutrigrade*)** untuk memberikan maklumat tentang kandungan gula dan garam dalam produk makanan, **penguatkuasaan undang-undang berkaitan tembakau** serta usaha **meningkatkan kecelikan kesihatan dalam kalangan rakyat**. Usaha ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran kesihatan dan mempromosikan pilihan gaya hidup sihat di kalangan rakyat Malaysia.

7. Kementerian Kesihatan juga sedang giat memperkukuh sistem **penjagaan kesihatan primer (*Primary Health Care* - PHC)** melalui **pengembangan program PEKAB40**, yang mempergiatkan kerjasama antara sektor awam dan swasta. Inisiatif seperti **pencegahan, saringan awal, dan pengurusan intervensi penyakit tidak berjangkit (NCD)** sedang dipertingkatkan. Langkah-langkah ini bertujuan untuk memastikan rakyat kekal sihat dan mengurangkan komplikasi penyakit tidak berjangkit, seterusnya mengurangkan kos penjagaan kesihatan dalam jangka panjang.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI DR. RONALD KIANDEE
[BELURAN]**

TARIKH : 15 OKTOBER 2024 (SELASA)

SOALAN

DATUK SERI DR. RONALD KIANDEE [BELURAN] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan langkah berkesan Kementerian untuk mengimbangi jurang perbezaan harga beras putih import dengan beras putih tempatan. Adakah Kementerian berhasrat menaikkan harga lantai belian padi yang sedia ada.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, jurang perbezaan harga beras putih import (BPI) dan beras putih tempatan (BPT) mula dirasai apabila harga BPI menyaksikan peningkatan mendadak ekoran tindakan negara pengeksport beras yang membataskan eksport ke luar negara. Pelbagai langkah intervensi telah dilaksanakan untuk mengurangkan impak kenaikan tersebut selain memastikan BPT boleh diakses dengan mudah oleh rakyat seperti berikut:

- (i) meningkatkan pengedaran BPT melalui peningkatan penganjuran program Jualan Agro MADANI di bawah FAMA dan LPP;
- (ii) semua perolehan pembekalan beras putih tempatan di bawah kontrak Kerajaan menggunakan BPI;
- (iii) menurunkan harga di pintu gudang BERNAS pada harga RM3,000 per tan metrik agar harga jualan runcit BPI diturunkan antara RM2 hingga RM3; dan
- (iv) pemberian subsidi sebanyak RM950 per tan metrik Beras Putih Import (BPI) mulai 5 Oktober 2023 bagi Wilayah Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Harga belian padi telah ditetapkan pada harga lantai iaitu RM1,300 per tan metrik bagi Semenanjung mulai 1 Januari 2024 dan 15 Februari 2024 di Sabah dan Sarawak. Pada masa ini, KPKM telah menubuhkan satu *Task Force* bagi meneliti isu-isu berkaitan industri padi dan beras negara termasuk kajian daya saing struktur harga padi dan beras negara.

NO. SOALAN : 14

Di samping itu, pihak Kementerian sedang menunggu laporan hasil kajian terhadap industri padi dan beras yang bakal dikemukakan oleh Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) tidak lama lagi. Dapatan hasil kajian tersebut akan dijadikan rujukan kepada pihak KPKM untuk menambah baik industri padi beras melalui *task force* yang telah ditubuhkan. KPKM ingin memberi jaminan bahawa sebarang cadangan perubahan harga padi dan beras tidak akan merugikan pihak pengeluar dan juga tidak membebankan pengguna.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. RICHARD RAPU @ AMAN ANAK BEGRI
[BETONG]**

TARIKH : 15 OKTOBER 2024 (SELASA)

SOALAN

DR. RICHARD RAPU @ AMAN ANAK BEGRI [BETONG] minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan status terkini pembangunan infrastruktur telekomunikasi di Sarawak termasuk usaha untuk meningkatkan capaian internet di luar bandar dan pelan untuk memperluas liputan 5G di seluruh Sarawak. Perincikan bagaimana kementerian merancang untuk menambah baik kemudahan telekomunikasi di sekolah-sekolah pedalaman Sarawak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Di bawah inisiatif Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA) Fasa 1, sehingga 31 Ogos 2024 bagi negeri Sarawak, 481 daripada 901 menara komunikasi baharu telah siap dibina dan beroperasi, 4,320 daripada 4,330 stesen pemancar sedia ada telah dinaik taraf, 148,630 daripada 207,135 premis telah tersedia dengan capaian gentian optik dan kesemua 523 lokasi telah menikmati perkhidmatan internet menggunakan teknologi satelit (BWA). Baki inisiatif yang sedang dalam pelaksanaan dijangka akan siap secara berperingkat sehingga penghujung tahun 2025. Sehingga tempoh yang sama, liputan internet dan komunikasi di kawasan berpenduduk di negeri Sarawak telah mencapai 89.22%.

Selain inisiatif Pelan JENDELA, Kerajaan Negeri Sarawak melalui Sarawak Digital Economy Corporation Berhad (SDEC) juga sedang melaksanakan inisiatif pembinaan 600 buah menara baharu (SMART 600) bagi menambah baik liputan internet di negeri Sarawak. Sehingga 30 September 2024, sebanyak 301 buah menara baharu telah siap beroperasi dan 299 buah menara masih dalam peringkat pelaksanaan di bawah inisiatif SMART 600 di seluruh Sarawak.

Bagi liputan 5G pula, sebanyak 583 tapak pemancar 5G telah dirancang bagi negeri Sarawak dan sehingga 31 Ogos 2024, 552 tapak telah siap dibina, memberikan 62.5% liputan di kawasan berpenduduk di negeri tersebut. Peluasan liputan 5G yang selanjutnya akan dilaksanakan selepas peralihan ke dwi-rangkaian 5G kelak.

Selain itu, kerjasama antara Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri juga haruslah dipupuk bagi memudahkan pelaksanaan projek 5G termasuklah bagi memberikan kelulusan izin lalu, rancangan pembangunan bandar yang mempertimbangkan keperluan 5G serta galakan inovasi melalui aplikasi 5G dalam pelbagai bidang seperti pertanian, pendidikan dan kesihatan.

SOALAN NO : 15

Kerajaan turut melaksanakan penyediaan infrastruktur jalur lebar menggunakan kaedah *Point of Presence* (PoP) hab gentian optik. Sehingga 3 Oktober 2024, sebanyak 67 PoP telah berjaya disiapkan sepenuhnya bagi Fasa 1 manakala 178 PoP daripada 681 PoP bagi Fasa 2 telah disiapkan di negeri Sarawak menjadikan 26,366 premis telah tersedia dengan sambungan gentian optik untuk dilanggan oleh komuniti setempat. Bagi Parlimen Betong, dua PoP telah selesai dibina sepenuhnya bagi Fasa 1 dan lapan PoP daripada 20 PoP bagi Fasa 2 telah berjaya disiapkan. Ini menjadikan 832 premis telah tersedia dengan sambungan gentian optik untuk dilanggan oleh komuniti setempat di Parlimen Betong. Baki PoP Fasa 2 dijangka siap sepenuhnya pada akhir tahun 2025.

Berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), kemudahan telekomunikasi bagi 295 buah sekolah di pedalaman Sarawak telah ditambah baik dari langganan perkhidmatan internet menggunakan teknologi jalur lebar 4G (30Mbps) dan satelit (100Mbps) kepada teknologi fiber optik dengan kelajuan minimum 300Mbps mulai 1 Julai 2024 menerusi Perolehan Perkhidmatan Internet Institusi Pendidikan dan Sekolah KPM.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI IKMAL HISHAM BIN ABDUL AZIZ
[TANAH MERAH]**

TARIKH : 15 OKTOBER 2024 (SELASA)

SOALAN

DATO' SRI IKMAL HISHAM BIN ABDUL AZIZ [TANAH MERAH] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan keputusan ujian yang dilaksanakan oleh Institut Penyelidikan Sains dan Teknologi Pertahanan (STRIDE) ke atas kenderaan High Mobility Armoured Vehicle (HMAV) jenis 4x4 'Tarantula' buatan syarikat tempatan MILDEF. Apakah kenderaan ini menepati kehendak dan keperluan operasi Tentera Darat Malaysia (TDM) serta apakah perolehannya disokong oleh STRIDE.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kenderaan *High Mobility Armoured Vehicle* (HMAV) iaitu Kenderaan Perisai 4x4 TARANTULA buatan syarikat tempatan MILDEF Technologies Sdn. Bhd. telah melalui beberapa proses uji nilai bagi menepati kehendak dan keperluan Operasi Tentera Darat Malaysia (TDM).
2. Proses penilaian telah dilaksanakan oleh pasukan yang dilantik dari Institut Penyelidikan Sains dan Teknologi Pertahanan (STRIDE) bersama-sama Tentera Darat yang meliputi ujian seperti berikut:
 - a) Uji Nilai Keupayaan Kenderaan dalam persekitaran pengoperasian muka bumi Malaysia pada awal tahun 2021;
 - b) Penilaian keupayaan syarikat pada Februari 2023;
 - c) Ujian Balastik Tembakan (*ballistic test*) dilaksanakan di The Defence Technology Institute, Bangkok, Thailand pada Julai 2023; dan
 - d) Ujian Balastik Letupan (*Mine/Underbelly Test*) dilaksanakan di Council for Scientific and Industrial Research, Pretoria, Afrika Selatan pada Oktober 2023.
3. Berpandukan protokol ujian bagi sesebuah kenderaan perisai, pihak Tentera Darat mendapati bahawa kenderaan berperisai Tarantula 4x4 yang ditawarkan telah memenuhi dan mematuhi spesifikasi teknikal yang ditetapkan. Syarikat juga dirumuskan berupaya membekalkan kenderaan ini sebagai produk buatan tempatan dan mempunyai fasiliti pembuatan kenderaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DR. MOHAMMED TAUFIQ BIN JOHARI
[SUNGAI PETANI]**

TARIKH : 15 OKTOBER 2024 (SELASA)

SOALAN

DR. MOHAMMED TAUFIQ BIN JOHARI [SUNGAI PETANI] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan perancangan Kementerian untuk membantu golongan belia autistik dalam mendapatkan akses kepada pekerjaan yang sewajarnya, seperti pertimbangan memberi insentif kepada majikan yang mempunyai pekerja dari golongan belia autistik.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Perancangan Kementerian untuk membantu golongan belia Orang Kurang Upaya (OKU) kategori masalah pembelajaran termasuk kategori spektrum *Autism* bagi mendapat akses pekerjaan adalah menerusi inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan oleh Jabatan dan Agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) seperti berikut:

- i. KESUMA melalui PERKESO telah melaksanakan Program Penetapan Pekerjaan bertujuan membantu semua pencari kerja untuk mendapatkan pekerjaan. Berdasarkan statistik PERKESO dari 2020 sehingga 27 September 2024, seramai 21,160 orang pencari kerja di bawah kategori OKU di seluruh Malaysia telah berdaftar dalam portal MYFutureJobs. Daripada jumlah tersebut, 3,361 orang adalah merupakan golongan belia OKU dalam kategori masalah pembelajaran termasuk kategori spektrum *Autism* dan dalam tempoh yang sama, seramai 1,246 orang telah berjaya ditempatkan di majikan baharu menerusi Program Penempatan Pekerjaan ini.
- ii. Selaras dengan itu, KESUMA menerusi PERKESO telah melaksanakan Program Disability Equality Training (DET) dan Return To Work Coordinator (RTWC) bertujuan untuk memberikan pendedahan serta sokongan kepada majikan bagi menggajikan pekerja OKU. Program ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada majikan dalam penggajian OKU. Berdasarkan statistik PERKESO, sebanyak 381 wakil majikan telah menyertai program DET sejak dari tahun 2021 sehingga 2023. Manakala sebanyak 2,031 wakil majikan telah menyertai program RTWC sehingga Ogos 2024.

SOALAN NO: 17

- iii. Selain itu, KESUMA menerusi Pembangunan Sumber Manusia Berhad (HRD CORP) telah memperkenalkan inisiatif khas bagi meningkatkan kecekapan latihan dan penempatan pekerjaan di bawah Program Latihan Madani (PLM).
- iv. KESUMA menerusi HRD CORP juga membantu golongan belia OKU kategori masalah pembelajaran termasuk spektrum *Autism* dalam mendapatkan akses kepada pekerjaan yang sewajarnya, HRD CORP telah memfokuskan program *Person With Disability (PWD) Development* sebagai sebuah inisiatif yang direka untuk memperkasa OKU dengan kemahiran latihan asas melalui pelbagai kursus yang berfokuskan kompetensi atau persijilan. Inisiatif ini akan membuka ruang untuk golongan OKU diterima bekerja dengan meningkatkan integrasi mereka dalam masyarakat melalui pekerjaan atau peluang menjana pendapatan. Setakat September 2024, seramai 1,500 peserta telah diluluskan untuk menyertai inisiatif tersebut.
- v. Di samping itu, KESUMA menerusi Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) telah memberi pentauliahkan kepada pusat latihan yang melibatkan penyertaan pelatih OKU di bawah Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM), antaranya;
 - a) Pentauliahkan kepada 1,582 pusat bertauliah di seluruh Malaysia. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 922 pusat tauliah ini telah menerima pelatih OKU untuk mengikuti latihan kemahiran.
 - b) Tujuh (7) pusat bertauliah khusus kepada pelatih OKU telah diwujudkan bagi menyediakan latihan yang direka khusus untuk pelatih OKU di dalam kategori masalah pembelajaran termasuk kategori spektrum *Autism* seperti di Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional dan Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihan.

SOALAN NO: 17

- c) Berdasarkan statistik JPK sehingga September 2024, seramai 2,713 pelatih OKU telah mendaftar, dan 2,158 pelatih telah berjaya dipersijilkan. Ini menunjukkan peningkatan akses kepada latihan berkualiti yang dapat membantu golongan OKU kategori masalah pembelajaran termasuk kategori spektrum *Autism*.
- vi. Pada masa yang sama, berdasarkan statistik Jabatan Tenaga Manusia (JTM) di bawah KESUMA, sehingga September 2024, seramai 241 orang pelatih OKU pelbagai kategori telah mendapat latihan di Institut Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM). Daripada jumlah tersebut, seramai 125 orang pelajar daripada kategori masalah pembelajaran termasuk kategori spektrum *Autism* telah mengikuti pengajian di ILJTM.

Pendekatan KESUMA sebagai peneraju utama dalam menawarkan peluang pekerjaan dan kemahiran di kalangan OKU adalah selaras dengan prinsip kerajaan, yang tidak meminggirkan mana-mana golongan khususnya OKU yang masih mempunyai keupayaan dan produktiviti untuk masuk dalam sektor pekerjaan. KESUMA sentiasa mengiktiraf peranan dan kepentingan mereka, dan sentiasa komited untuk membantu rakyat termasuk golongan belia OKU kategori masalah pembelajaran termasuk kategori spektrum *Autism* bagi mendapatkan pekerjaan.

Untuk Makluman Dewan Yang Mulia, semua program yang dilaksanakan oleh Jabatan dan Agensi di bawah KESUMA diselaraskan melalui Jawatankuasa Pekerjaan di bawah Majlis Kebangsaan Bagi Orang Kurang Upaya (MKBOKU).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN NURUL AMIN BIN HAMID

[PADANG TERAP]

TARIKH : 15 OKTOBER 2024 (SELASA)

SOALAN

TUAN NURUL AMIN BIN HAMID [PADANG TERAP] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan adakah terdapat perancangan daripada Kementerian untuk menaikkan harga siling beras.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, harga maksimum beras putih tempatan (BPT) telah ditetapkan pada kadar RM2.60 sekilogram sejak tahun 2008 bagi memastikan rakyat mendapat beras pada harga yang berpatutan ekoran peningkatan mendadak harga beras di pasaran global. Namun selepas 16 tahun, harga maksimum beras tempatan tersebut belum lagi disemak.

Harga jualan BPT adalah berkait langsung dengan harga belian padi. Sejak tahun 2008, harga lantai belian padi telah dinaikkan daripada RM750 per tan metrik kepada RM1,200 per tan metrik pada tahun 2014 dan terkini pada kadar RM1,300 setiap tan metrik manakala harga BPT masih kekal tidak berubah.

Justeru, Kementerian berpandangan harga siling beras tempatan perlu disemak kembali dengan mengambil kira kos pengeluaran semasa, unjuran kos pada masa hadapan serta pergerakan harga beras putih dunia.

KPKM telah pun menubuhkan satu Task Force bagi meneliti isu-isu berkaitan industri padi dan beras negara termasuk kajian daya saing struktur harga padi dan beras negara.

Di samping itu, pihak Kementerian sedang menunggu laporan hasil kajian terhadap industri padi dan beras yang bakal dikemukakan oleh Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) tidak lama lagi. Dapatan hasil kajian tersebut akan dijadikan rujukan kepada pihak KPKM untuk menambah baik industri padi beras melalui task force yang telah ditubuhkan. KPKM ingin memberi komitmen bahawa kebajikan para pesawah akan terus diutamakan dan diberikan perhatian yang sewajarnya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN SYAHREDZAN BIN JOHAN
[BANGI]**

TARIKH : 15 OKTOBER 2024 (SELASA)

SOALAN

YB TUAN SYAHREDZAN BIN JOHAN [BANGI] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sama ada had bidang kuasa untuk mendengar kes bagi Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah (TTPR) akan dinaikkan dari RM50,000 kepada RM250,000 seperti Tribunal Pengurusan Strata (TPS) memandangkan harga-harga rumah semakin tinggi serta langkah-langkah Kementerian untuk meningkatkan kesedaran rakyat tentang TTPR.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sentiasa mendukung aspirasi Kerajaan MADANI dalam memastikan kesejahteraan rakyat sentiasa diberi perhatian. Dalam hubungan ini, Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata (TPPS) telah ditubuhkan di bawah KPKT bagi melindungi hak pembeli dalam konflik, pertikaian dan tuntutan yang timbul daripada pembelian rumah secara berintegriti, efektif daripada segi kos, dan dalam tempoh yang singkat. **TPPS terbahagi kepada dua (2) Tribunal iaitu Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah (TTPR) dan Tribunal Pengurusan Strata (TPS).**

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, **had maksimum jumlah tuntutan yang boleh dituntut di TTPR adalah sebagaimana ditetapkan di bawah Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 [Akta 118] iaitu RM50,000.00.** Had nilai ini telah pun dipinda berbanding RM25,000.00 semasa penubuhannya pada tahun 2002. **Had maksimum tuntutan yang boleh dibuat di TPS pula, sebagaimana ditetapkan di bawah Akta Pengurusan Strata 2013 [Akta 757], adalah RM250,000.00.** Ini adalah kerana **terdapat 14 jenis tuntutan yang diperuntukkan di bawah bidang kuasa TPS berbanding hanya dua (2) jenis tuntutan sahaja yang diperuntukkan di bawah bidang kuasa TTPR.**

Bagi memastikan hak pembeli rumah terus dilindungi, terdapat **cadangan untuk meminda had maksimum tuntutan semasa RM50,000.00 dalam Akta 118 di TTPR kepada suatu jumlah yang bersesuaian.** Perkara ini masih dalam kajian dan Kementerian akan mengambil kira perkara-perkara berikut:

- i. pertimbangan harga rumah di pasaran semasa;
- ii. kos pembaikan kecacatan (*defect*) yang semakin meningkat; dan
- iii. keputusan yang telah diputuskan oleh Mahkamah Tinggi, Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan.

SOALAN NO : 19

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat juga, **pelbagai langkah telah dilaksanakan untuk meningkatkan tahap kesedaran rakyat tentang TPPS** antaranya:

- i. **sesi libat urus bersama Pesuruhjaya Bangunan Pihak Berkuasa Tempatan (COB, PBT) dan *Joint Management Body* dan *Management Corporation (JMB/MC)*** untuk memperjelaskan fungsi TPPS secara lebih meluas agar rakyat lebih cakna mengenai hak mereka yang boleh dilindungi melalui TTPR dan TPS. Antara sesi libat urus terkini adalah bersama-sama dengan Majlis Bandaraya Ipoh pada 11 Jun 2024 dan Majlis Bandaraya Seberang Prai pada 28 Julai 2024;
- ii. **penganjuran Hari Bertemu Pelanggan** yang telah diadakan pada 25 Jun 2024; dan
- iii. **promosi melalui edaran brosur, taklimat, ceramah, siaran radio dan televisyen serta melalui ruang pameran** yang disertai di mana **sehingga 30 September 2024, sebanyak 354 aktiviti promosi telah dijalankan.**

Melalui sesi libat urus dan promosi yang diadakan, pelbagai maklumat dikongsikan dan maklum balas dapat diperolehi secara langsung oleh rakyat seterusnya memberi ruang dan peluang kepada Kementerian ini melaksanakan penambahbaikan demi meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan kepada rakyat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN AHMAD FADHLI BIN SHAARI
[PASIR MAS]**

TARIKH : 15 OKTOBER 2024 (SELASA)

SOALAN

TUAN AHMAD FADHLI BIN SHAARI [PASIR MAS] minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan status terkini penubuhan Majlis Media Malaysia seperti yang dijanjikan sebelum ini serta garis masa pelaksanaannya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Komunikasi telah giat mengadakan sesi perbincangan mengenai cadangan penubuhan Majlis Media Malaysia (MMM) bersama Jawatankuasa Protem serta pihak-pihak yang berkepentingan bagi mendapatkan maklum balas dan memuktamadkan Rang Undang-Undang (RUU) MMM.

Kementerian ini juga telah selesai melaksanakan proses Analisis Impak Peraturan (RIA) bagi penubuhan MMM. Draf RUU MMM yang telah dipersetujui secara bersama telah dikemukakan kepada Jabatan Peguam Negara (AGC) untuk semakan terakhir sebelum Memorandum Jemaah Menteri mengenai RUU tersebut disediakan. RUU ini dijangka dibentangkan dalam mesyuarat Parlimen kali ini tertakluk kepada kelulusan Jemaah Menteri.

Penubuhan sebuah organisasi kawal selia sendiri bagi media dan pengamalannya pada masa kini adalah penting untuk mendukung standard kewartawanan, menaikkan tahap profesionalisme dan menyediakan ruang untuk aduan awam terhadap media.

MMM apabila ditubuhkan kelak bertanggungjawab untuk membangunkan dan melaksanakan kod etika pelaporan. Hal ini akan dapat memperkasakan profesion kewartawanan negara dan dalam masa yang sama memastikan pelaporan berita yang dilakukan oleh media dilakukan secara bertanggungjawab.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA 2024, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI ADNAN BIN HAJI ABU
HASSAN [KUALA PILAH]**

TARIKH : 15 OKTOBER 2024 (SELASA)

SOALAN

DATO' HAJI ADNAN BIN HAJI ABU HASSAN [KUALA PILAH] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah pesakit dan kos yang ditanggung oleh Kementerian bagi pesakit tanpa waris yang menjalani rawatan paliatif di hospital Kerajaan dan apakah prosedur operasi standard bagi kes seperti ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sentiasa komited memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat tanpa diskriminasi, dan tidak mengambil kira sama ada pesakit tersebut mempunyai waris atau tanpa waris. Kos rawatan pesakit pula adalah tertakluk kepada Perintah Fi (Perubatan) (Pindaan) 2017. Memandangkan rawatan diberikan KKM dan kutipan hasil tidak mengambil kira status pesakit, KKM tidak mengumpul sebarang data pesakit tanpa waris, termasuk jumlah pesakit paliatif tanpa waris dan jumlah kos yang ditanggung.

2. Pesakit paliatif yang telah dirawat di wad, stabil dan boleh didiscaj dari hospital KKM dan tidak mempunyai waris boleh dirujuk kepada Pegawai Jabatan Kerja Sosial Perubatan (JKSP) di hospital terlibat untuk sebarang bantuan, termasuk bantuan maklumat dan penjagaan susulan di mana-mana rumah penjagaan yang berkaitan.

3. Keperluan untuk mengetahui sama ada pesakit mempunyai waris atau tidak adalah lebih kepada pengurusan pesakit dari segi klinikal dan bukan untuk tujuan pengutipan hasil. Sebagai contoh, doktor akan berbincang dengan waris tentang keadaan klinikal pesakit dan untuk mendapat kebenaran menjalani rawatan prosedur atau pembedahan tertentu.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN RIDUAN BIN RUBIN [TENOM]

TARIKH : 15 OKTOBER 2024 (SELASA)

SOALAN

TUAN RIDUAN BIN RUBIN [TENOM] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan sejauh manakah kejayaan pelaksanaan Program Latihan Kemahiran Pertanian Kebangsaan (PLKPK) yang memberikan fokus untuk melahirkan graduan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) dalam sektor pertanian.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) telah berjaya melahirkan graduan dalam sektor pertanian melalui Program Latihan Kemahiran Pertanian Kebangsaan (PLKPK) sejak tahun 1969. Objektif utama pelaksanaan PLKPK adalah untuk melahirkan tenaga kerja mahir dan usahawan yang berkemahiran dan berdaya saing.

Sehingga kini, KPKM telah melahirkan seramai 25,601 graduan dalam bidang pertanian. Pada tahun 2023, seramai 982 graduan berjaya menamatkan pengajian dengan kadar kebolehpasaran adalah 78.1%, iaitu peningkatan sebanyak 5.8% berbanding 72.3% pada tahun sebelumnya.

Pembangunan modal insan merupakan elemen penting bagi penjana ekonomi negara yang berasaskan pengetahuan, berdaya saing dan berteraskan teknologi masa hadapan. Oleh itu, kurikulum PLKPK sentiasa ditambah baik dengan mengambil kira keperluan masa kini termasuk penggunaan teknologi. Di samping itu, bagi memastikan kurikulum selari dan memenuhi keperluan industri, ia dibangunkan dengan usahasama pihak industri, akademik serta Jabatan dan Agensi yang berkaitan di bawah KPKM.

Selaras dengan peredaran semasa, pelatih di semua pusat bertauliah di bawah KPKM didedahkan dengan pelbagai teknologi moden antaranya penggunaan dron untuk menyembur baja secara tepat, pertanian pintar (*Smart Farming*) bagi pemantauan status kesihatan tanaman dan ternakan, pendedahan kepada teknik *Artificial Insemination* (AI) serta penggunaan simulator pemanduan bot nelayan dan perisian *Virtual Reality* (VR) dalam aktiviti penangkapan ikan.

Pada tahun 2024, KPKM telah menandatangani enam (6) *Memorandum of Cooperation* (MoC) bersama pihak industri di dalam memperkasakan Pusat Bertauliah, tenaga pengajar dan pelatih agar selari dengan keperluan industri. Sesi libat urus secara berkala juga

NO. SOALAN: 22

diadakan bersama pihak industri untuk bertukar pandangan dan mendapatkan input tambahan dalam memperkasakan TVET Pertanian. KPKM sentiasa komited untuk melahirkan graduan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) dalam sektor pertanian yang memenuhi keperluan industri serta tenaga kerja mahir dan usahawan yang berjaya.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **PUAN RODIYAH BINTI SAPIEE
[BATANG SADONG]**

TARIKH : **15 OKTOBER 2024 (SELASA)**

SOALAN

PUAN RODIYAH BINTI SAPIEE [BATANG SADONG] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan status terkini isu berkaitan kekurangan pegawai perubatan di Sarawak dan perancangan jangka panjang Kementerian mengenai isu kuarters kakitangan perubatan yang uzur terutamanya di kawasan luar bandar Sarawak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berdasarkan analisis ke atas data pegawai perubatan, setakat 30 Jun 2024, seramai 3,650 pegawai perubatan Kementerian Kesihatan telah ditempatkan untuk menyampaikan perkhidmatan di Sarawak yang meliputi:

- (i) seramai 3,069 pegawai perubatan iaitu 1,864 pegawai perubatan lantikan tetap dan 1,205 pegawai perubatan lantikan kontrak; dan
- (ii) 581 pakar perubatan yang terdiri daripada 579 pakar perubatan lantikan tetap dan 2 pakar perubatan lantikan kontrak.

2. Kementerian Kesihatan menyedari berhubung keperluan untuk menambah bilangan pegawai perubatan di Sarawak. Sebagai contoh pada masa ini, berdasarkan Petunjuk Kesihatan Tahun 2023, nisbah doktor berbanding dengan populasi penduduk di Sarawak pada tahun 2022 iaitu pada kadar nisbah 1 doktor kepada 536 penduduk telah menunjukkan peningkatan berbanding tahun 2012 iaitu 1:1,383.

3. Walaupun petunjuk nisbah doktor kepada penduduk di Sarawak menunjukkan peningkatan, KKM komited untuk terus meningkatkan lagi bilangan pegawai perubatan di fasiliti KKM. Antara inisiatif yang telah dan sedang dijalankan ialah:

- (i) memberikan keutamaan kepada pegawai perubatan anak kelahiran Sarawak untuk menabur bakti berkhidmat kepada rakyat Sarawak;
- (ii) menempatkan lebih ramai pegawai perubatan, pegawai perubatan yang telah menamatkan pengajian kepakaran dan pakar perubatan tetap dan kontrak bagi menyokong perkhidmatan perubatan dan kesihatan di Sarawak;

SOALAN NO : 23

- (iii) berusaha mengisi jawatan pegawai perubatan dan pakar perubatan yang masih kosong di fasiliti kesihatan di Sarawak;
- (iv) mengemukakan permohonan untuk mewujudkan jawatan tambahan pegawai perubatan dan pakar perubatan kepada agensi pusat khususnya bagi fasiliti baharu dan fasiliti dinaik taraf;
- (v) melaksanakan pendekatan lebih inovatif iaitu menggabungkan perkhidmatan kepakaran dalam lingkungan fasiliti tertentu menerusi konsep hospital kluster dan melaksanakan konsep *visiting specialist* (dengan izin) bagi Pakar Perubatan untuk menyampaikan perkhidmatan kepada penduduk di luar bandar; dan
- (vi) meneruskan pelbagai insentif untuk menarik dan mengekalkan petugas kesihatan khususnya di kawasan luar bandar dan pedalaman, antaranya kemudahan Bayaran Insentif Mengikut Lokasi dan Tahap Kesusahan, Tambang Ziarah Wilayah dan Bayaran Insentif Penempatan Pakar Perubatan dan Pakar Pergigian di Fasiliti Kesihatan di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Berhubung isu kuarters kakitangan perubatan yang daif terutamanya di kawasan luar bandar Sarawak, Kementerian Kesihatan komited untuk menambah baik kemudahan kuarters bagi petugas kesihatan di Sarawak. Di bawah *Rolling Plan* Pertama hingga *Rolling Plan* Ke-4 Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12), Kementerian Kesihatan telah diluluskan peruntukan sebanyak RM7.1 juta bagi kerja-kerja pembaikan dan penyelenggaraan kuarters meliputi 32 buah klinik kesihatan di Sarawak.

SOALAN NO : 23

5. Selain itu, di bawah RMKe-12, Kementerian Kesihatan juga telah memohon peruntukan berjumlah RM1.3 juta di bawah *Rolling Plan* Ke-5 bagi kerja-kerja pembaikan dan penyelenggaraan kuarters di 3 buah klinik di Sarawak.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK ANDI MUHAMMAD SURYADY BIN
BANDY [KALABAKAN]**

TARIKH : 15 OKTOBER 2024 (SELASA)

SOALAN

DATUK ANDI MUHAMMAD SURYADY BIN BANDY [KALABAKAN] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan adakah Kementerian akan mempertimbangkan cadangan untuk membangunkan tanah seluas 1,200 hektar di Luasong, Kalabakan sebagai hab pengeluaran agro makanan berskala besar dan Taman Kekal Pengeluaran Ruminan (TKPR) seperti mana yang telah diusulkan sejak tahun 2020.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Cadangan untuk membangunkan tanah seluas 1,200 hektar di Luasong, Kalabakan sebagai hab pengeluaran agromakanan berskala besar dan Taman Kekal Pengeluaran Ruminan (TKPR) tidak dapat dilaksanakan kerana tanah tersebut masih milik Kumpulan Yayasan Sabah (KYS).

Jabatan Pertanian Sabah (DOA Sabah) akan mempertimbangkan cadangan pembangunan tersebut pada masa akan datang sekiranya mendapat persetujuan daripada pihak yang berkaitan.

Bagi menyokong industri ternakan ruminan daripada aspek pembiakbakaan dan penyelidikan genetik yang berkualiti untuk meningkatkan pengeluaran serta kesihatan ternakan di Negeri Sabah, Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) Sabah telah membangunkan Pusat Penyelidikan dan Pembiakbakaan Ternakan Ruminan di tanah milik jabatan di Nabawan, Kota Belud dan Tawau.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN MOHAMAD SHAFIZAN HAJI
KEPLI [BATANG LUPAR]**

TARIKH : 15 OKTOBER 2024 (SELASA)

SOALAN

TUAN MOHAMAD SHAFIZAN HAJI KEPLI [BATANG LUPAR] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada Kementerian akan melihat kepada keperluan mendesak untuk menambah baik perkhidmatan ambulans di kawasan Maludam, Beladin dan Triso serta apakah terdapat rancangan dalam tempoh masa terdekat untuk menaik taraf klinik-klinik kesihatan di sekitar kawasan Parlimen Batang Lupar seperti di Maludam, Lingga dan Tanjung Bijat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pada masa kini, terdapat tiga (3) klinik kesihatan di sekitar kawasan Maludam dan Beladin yang menyediakan perkhidmatan ambulans iaitu KK Pusa (tiga unit ambulans), KK Maludam (satu unit ambulans) dan KK Beladin (satu unit ambulans). KK Beladin juga akan menerima satu unit ambulans baru yang dijangka diagihkan pada pertengahan tahun 2025. Manakala untuk kawasan Triso, perkhidmatan ambulans disediakan oleh KK Sebuyau yang mana KK ini mempunyai satu unit ambulans.

2. Pada masa ini, perkhidmatan ambulans di KK Pusa, KK Maludam, KK Beladin dan KK Sebuyau mampu untuk memenuhi keperluan perkhidmatan kecemasan di sekitar kawasan tersebut. Semua ambulans tersebut berada dalam keadaan baik.

3. KKM sentiasa berusaha untuk memastikan penyampaian kesihatan yang berkualiti diberikan dan kerja-kerja naik taraf dilaksanakan dari semasa ke semasa bagi fasiliti kesihatan di Parlimen Batang Lupar. Antara kerja-kerja naik taraf yang dilaksanakan sejak tahun 2022 adalah seperti berikut:

(a) Tahun 2022:

- (i) Baik pulih struktur bangunan klinik di KK Lingga; dan
- (ii) Pembaikan kuarters KK Sebuyau.

(b) Tahun 2023

- (i) Kerja pembaikan lantai, tingkap, bumbung, pintu, pagar, tempat parkir dan penggantian serta pembaikan lain di KK Maludam;
- (ii) Kerja pembaikan bumbung, dinding, lantai, tingkap, pendawaian semula dan cat di KK Semarang; dan,
- (iii) Kerja naik taraf bilik unit radiologi, penyelenggaraan genset dan sistem elektrik dan pembaikan tempat parkir di KK Beladin.

4. Selain itu, KK Tanjung Bijat di dalam Bahagian Sri Aman telah menerima peruntukan khas klinik daif daripada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri bagi pembinaan blok baharu dan kini berada dalam peringkat reka bentuk dan dijangka siap pada tahun 2027.

5. KKM sememangnya mempunyai perancangan jangka masa panjang untuk menggantikan klinik-klinik lama terutama yang dibina daripada kayu termasuklah KK Lingga dan KK Maludam. Namun begitu, cadangan pembinaan klinik kesihatan baharu (gantian) ini akan dilaksanakan secara berperingkat, mengambil kira pelbagai faktor termasuklah ketersediaan tapak dan kesediaan peruntukan pembangunan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : KOMANDER NORDIN BIN AHMAD ISMAIL
TLDM (BERSARA)
[LUMUT]**

TARIKH : 15 OKTOBER 2024 (SELASA)

SOALAN

**KOMANDER NORDIN BIN AHMAD ISMAIL TLDM (BERSARA)
[LUMUT] minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan :**

- (a) status operasi Helikopter Operasi Maritim (HOM) AW139 dan Fennec selepas siasatan penuh insiden kemalangan yang berlaku di Pangkalan TLDM Lumut selesai; dan
- (b) apakah TLDM membuat perancangan untuk penggantian pesawat seperti Fennec yang telah berusia lebih 20 tahun.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Helikopter Operasi Maritim (HOM) AW139 dan Fennec yang tidak terlibat di dalam kemalangan telah kembali beroperasi seperti biasa. Berdasarkan status operasi dan sokongan logistik daripada pihak *Original Equipment Manufacturer* (OEM), Kementerian Pertahanan melalui Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) menjangkakan bahawa pesawat Fennec masih boleh digunakan sehingga tahun 2030.
2. Selain daripada Helikopter Operasi Maritim (HOM) AW139 dan Fennec, pihak TLDM turut mengoperasikan helikopter *Super Lynx*. Pihak TLDM kini sedang merancang perolehan helikopter tempur baharu bagi menggantikan helikopter *Super Lynx* di bawah program perolehan helikopter *Anti-Submarine Warfare* yang telah didaftarkan dalam RMKe-13. Perolehan ini adalah bagi memenuhi sasaran Penjajaran Pelan Transformasi TLDM 15to5.
3. Di samping itu, pihak TLDM juga sedang meneliti opsyen menambahkan kekuatan HOM AW139 sedia ada untuk menampung keperluan operasi TLDM melalui kaedah sewaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YAB DATO' SERI HAJI AMINUDDIN BIN
HARUN [PORT DICKSON]**

TARIKH : 15 OKTOBER 2024 (SELASA)

SOALAN

YAB DATO' SERI HAJI AMINUDDIN BIN HARUN [PORT DICKSON] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah peranan Kementerian dalam menggalakkan inovasi dan penyelidikan dalam sektor pertanian dan bagaimana hasil penyelidikan dipindahkan kepada petani untuk meningkatkan produktiviti dan keberkesanan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) telah merencana pelbagai inisiatif dan program untuk mempergiatkan aktiviti penyelidikan dan pembangunan, pengkomersialan dan inovasi (R&D&C&I) untuk meningkatkan produktiviti sektor agromakanan. Dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas, KPKM diperuntukkan sebanyak RM213.8 juta untuk menjalankan aktiviti R&D&C&I dalam sektor agromakanan.

Sebagai galakkan aktiviti inovasi dan penyelidikan sektor agromakanan, KPKM melalui Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), sejak tahun 2011 telah melaksanakan program Hari Inovasi MARDI. Sebanyak 4 acara utama diadakan iaitu Anugerah Inovasi MARDI, *MARDI Science & Technology Exhibition*, Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif serta Pertandingan Inovasi Akar Umbi. Pada tahun 2024, sebanyak 320 penyertaan terlibat dalam program ini yang berlangsung dari 14 hingga 16 Oktober 2024.

KPKM melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan Jabatan Perikanan juga menganjurkan program Hari Inovasi Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan Pertandingan Inovasi Jabatan Perikanan Malaysia setiap tahun sebagai pengiktirafan kepada penyelidik, pegawai jabatan serta syarikat swasta yang menyumbang kepada pembudayaan kreativiti dan inovasi dalam bidang veterinar dan perikanan. Pada tahun 2024, sejumlah 31 hasil inovasi sektor ternakan dan 12 hasil inovasi sektor perikanan telah diketengahkan melalui program ini.

Selain itu, KPKM turut mempromosikan hasil inovasi dan penyelidikan melalui Program Malaysia Commercialization Year (MCY) yang dianjurkan oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi. Program MCY bertujuan mempercepatkan proses pengkomersialan ke pasaran tempatan dan antarabangsa. Bagi MCY 2022, MARDI berjaya menerima Anugerah Usahawan Sosial bagi penghasilan produk Urbankit.

NO. SOALAN : 27

Aktiviti pemindahan teknologi oleh MARDI dilaksanakan melalui dua mod iaitu Mod Pengkomersialan Teknologi dan Mod Pemindahan Teknologi Kegunaan Umum. Berdasarkan laporan *Malaysia Research Accelerator for Technology and Innovation* (MRANTI) pada tahun 2022, purata pengkomersialan tahunan MARDI berdasarkan trend lima tahun kebelakang adalah lebih tinggi iaitu sebanyak 15 hingga 20 peratus berbanding 5 hingga 10 peratus daripada purata nasional. Bagi tempoh 2019 hingga 2023, MARDI telah mengkomersialkan sebanyak 60 teknologi, antaranya varieti padi MR220-CL1 dan MR220-CL2 yang mempunyai *gene* kerintangan terhadap semburan racun yang membunuh padi angin dan spesies rumpai lain.

Melalui Mod Pemindahan Teknologi Kegunaan Umum pula, sebanyak 115 teknologi MARDI dipindahkan secara berterusan kepada kumpulan sasar setiap tahun. Antaranya teknologi pemprosesan, teknologi penanaman dan cantuman tanaman, teknologi pembungkusan dan pelabelan serta teknologi pertanian bandar dan kilang tanaman.

Melalui pelbagai program dan inisiatif yang dirangka ini, KPKM komited untuk menggalakkan aktiviti penyelidikan dan inovasi dalam sektor agromakanan dalam menyokong usaha Kerajaan untuk meningkatkan produktiviti pengeluaran makanan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN ROY ANGAU ANAK GINGKOI
[LUBOK ANTU]**

TARIKH : 15 OKTOBER 2024 (SELASA)

SOALAN

YB TUAN ROY ANGAU ANAK GINGKOI [LUBOK ANTU] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan status terkini pembinaan Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) di Pekan Lubok Antu dan Engkilili, adakah ianya akan dimasukkan dalam *Rolling Plan* 5 RMKe-12, serta apakah penjelasan diberikan pihak pembuat keputusan di peringkat pusat yang mengambil masa lama untuk mempertimbangkan kelulusan kedua-dua BBP ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) sentiasa berusaha untuk memastikan khidmat kebombaan terus diperkasa dan diperluas kepada seluruh masyarakat terutamanya melibatkan kawasan-kawasan di luar capaian *response time*. Perkara ini adalah selari dengan hasrat Kerajaan MADANI melalui strategi **Meningkatkan Keselamatan Negara** berdasarkan **Kerangka Strategik MADANI**.

Berdasarkan semakan terkini melalui **Kajian Risiko Kebakaran (*fire cover*)**, skor risiko di kawasan Engkilili dan Lubok Antu masih kekal iaitu masing-masing dengan **7 dan 8** markah. Secara asasnya, **kedua-dua kawasan tersebut mempunyai risiko tetapi pada skala yang rendah dan keperluan kepada penyediaan fasiliti kebombaan yang baharu adalah kurang mendesak.**

Status pembinaan Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) di pekan Engkilili dan Lubok Antu adalah seperti berikut:

- i. **Kawasan Engkilili** - Kementerian telah membuat permohonan projek pembinaan sebuah BBP kategori D di atas tanah berkeluasan 1.33 ekar dalam ***Rolling Plan Empat (RP4) Tahun 2024, Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12)***. Namun, permohonan tersebut **tidak dapat dipertimbangkan** untuk kelulusan oleh agensi pusat. Sehubungan itu, Kementerian **telah membuat permohonan semula** projek pembinaan berkenaan dalam *Rolling Plan Lima (RP5) Tahun 2025, RMKe-12* dan **masih dalam pertimbangan agensi pusat**; dan
- ii. **Kawasan Lubok Antu** - permohonan tapak tanah seluas 4.3 ekar telah **dikemukakan oleh JBPM** melalui KPKT **kepada**

JKPTG Negeri Sarawak pada 9 September 2021 yang kemudiannya telah dikuiiri oleh pihak JKPTG dan perlu dibuat permohonan semula secara dalam talian melalui Sistem Pengurusan Pembangunan dan Perancangan Negeri (eSPA). Permohonan perolehan tanah ini juga telah dimasukkan oleh Kementerian dalam *Rolling Plan* Lima (RP5) di bawah RMKe-12 tahun 2025.

Dari aspek tempoh masa yang diambil dalam mempertimbangkan kelulusan pembinaan BBP, secara dasarnya, setiap permohonan akan melalui proses berikut:

- i. **Kajian Risiko Kebakaran (*Fire Cover Analysis*)** yang dilaksanakan oleh pihak JBPM untuk menentukan tahap risiko di kawasan berkaitan; dan
- ii. keperluan pembinaan BBP baharu akan dipohon untuk kelulusan oleh **Kementerian Ekonomi (KE)**. **Semakan dan penilaian terperinci** oleh KE akan mengambil kira keperluan mendesak mengikut keutamaan dan kemampuan sumber kewangan agensi pusat. Selain itu, faktor keseimbangan di antara pembinaan BBP dan pemeraksanaan sumber manusia, aset serta lain-lain keperluan yang mampu meningkatkan penyampaian perkhidmatan kebombaian kepada masyarakat perlu turut diberikan perhatian sama rata.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN
[SELAYANG]**

TARIKH : 15 OKTOBER 2024 (SELASA)

SOALAN

TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN [SELAYANG] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan dalam menyedari dan mengiktiraf peningkatan berkait perbelanjaan swasta, apakah cabaran yang dijangka oleh Kerajaan dalam mengekalkan momentum ini, terutamanya berhubung dengan ketidakpastian dalam pasaran global.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pada separuh pertama tahun 2024, ekonomi Malaysia menunjukkan prestasi yang kukuh dengan keluaran dalam negeri kasar (KDNK) meningkat sebanyak 5.1% berbanding 4.1% pada separuh pertama 2023. Prestasi ini disokong oleh permintaan dalam negeri berikutan peningkatan aktiviti sektor swasta dan produktiviti buruh seiring dengan kedudukan pasaran buruh yang bertambah baik.

Dalam hubungan ini, perbelanjaan penggunaan swasta telah menyumbang sebanyak 61.2% kepada KDNK pada separuh pertama tahun 2024. Manakala dari segi pertumbuhan, perbelanjaan penggunaan swasta telah meningkat sebanyak 5.3% bagi tempoh yang sama berbanding 5.2% pada separuh pertama tahun 2023, didorong oleh penggunaan yang lebih tinggi bagi makanan dan minuman bukan alkohol serta restoran dan hotel. Kerajaan menjangkakan momentum pertumbuhan ini akan kekal kukuh walaupun berhadapan dengan beberapa cabaran pada peringkat global.

Negara berhadapan dengan ketidakpastian permintaan dalam pasaran global akan memberi kesan kepada usaha menarik dan mengekalkan keyakinan pelabur serta meningkatkan perbelanjaan swasta dalam kalangan pelabur asing dan komuniti perdagangan. Manakala, cabaran pada peringkat domestik pula adalah untuk mengekalkan pertumbuhan perbelanjaan penggunaan swasta yang kukuh berikutan kos sara hidup yang semakin meningkat.

Sehubungan itu, Kerajaan akan memberi tumpuan berterusan bagi mewujudkan persekitaran perniagaan yang lebih baik, responsif dan mesra pelabur, seterusnya memastikan perbelanjaan dan pelaburan swasta dapat dikekalkan. Kerajaan juga akan memastikan ketersediaan infrastruktur dan tenaga kerja yang berkemahiran tinggi bagi menangani cabaran tersebut. Infrastruktur yang mencukupi, termasuk akses jalan raya, kemudahan logistik dan teknologi amat diperlukan bagi meningkatkan kecekapan operasi sektor swasta.

Selain itu, ketersediaan tenaga kerja yang berkemahiran tinggi pula akan meningkatkan produktiviti pekerja dan memastikan syarikat lebih berdaya saing. Usaha ini akan menjadi penyumbang kepada peningkatan keyakinan pelabur asing dan dalam negara bagi memperluas serta meningkatkan pelaburan yang menyumbang kepada peningkatan perbelanjaan swasta.

Pengenalan dasar baharu, seperti pelaksanaan gaji progresif dan kenaikan gaji penjawat awam dijangka akan turut dapat membantu mengatasi cabaran ini, seterusnya meningkatkan perbelanjaan pengguna. Tumpuan juga akan diberi kepada inisiatif yang lebih responsif ke atas kenaikan harga barangan di pasaran, antaranya dengan mempergiatkan inisiatif Payung Rahmah untuk menangani kos sara hidup supaya momentum perbelanjaan swasta dikekalkan.

Di samping itu, pelaksanaan inisiatif seperti Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Nasional, Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 dan Belanjawan 2024 dijangka akan juga meningkatkan momentum pertumbuhan ekonomi negara. Inisiatif ini secara tidak langsung akan menggalakkan pelaburan swasta dan menarik lebih banyak peluang pelaburan serta mewujudkan pekerjaan berpendapatan tinggi. Perkembangan ini akan mendorong kepada peningkatan kuasa beli yang menyokong kepada perbelanjaan penggunaan swasta yang lebih baik.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI RICHARD RIOT ANAK JAEM
[SERIAN]**

TARIKH : 15 OKTOBER 2024 (SELASA)

SOALAN

DATO' SRI RICHARD RIOT ANAK JAEM [SERIAN] minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan apakah usaha Kerajaan sebagai persediaan mendepani ketegangan yang semakin meningkat di Laut China Selatan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pertahanan tetap komited dalam melaksanakan amanah dan tanggungjawab yang diberi untuk mempertahankan kedaulatan negara dan memastikan kesiagaan aset berada pada tahap yang optimum dalam menghadapi sebarang bentuk ancaman keselamatan di perairan negara terutamanya di Laut China Selatan.
2. Terdapat sekurang-kurangnya 4 pendekatan utama yang diambil Kementerian Pertahanan dalam hal ini.
3. **Pertama, kesiagaan dan pemodenan aset.**
4. Antara pelan dan program kesiagaan aset yang sedang diusahakan oleh Kementerian Pertahanan dan ATM adalah:

a. Littoral Combat Ship (LCS)

Perolehan LCS ini sedang dilaksanakan mengikut jadual yang ditetapkan di dalam kontrak. Status kemajuan semasa bagi perolehan LCS secara keseluruhan merangkumi elemen rekabentuk, pembinaan, peralatan serta ujian yang berakhir pada 25 Ogos 2024 adalah sebanyak 69.58% berbanding perancangan iaitu 69.50% dengan perbezaan sebanyak 0.08% (melebihi jadual daripada yang dirancangan).

Berdasarkan perancangan perbatuan yang terkandung dalam kontrak yang telah ditandatangani, Kapal LCS pertama akan dapat disiapkan pada penghujung tahun 2024 sebelum ia menjalani ujian seperti *Harbour Acceptance Test* (HAT) dan *Sea Acceptance Trial* (SAT) oleh pihak Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) untuk tempoh 2 tahun. Bagi Kapal LCS kedua pula, ia akan turun ke permukaan air sebelum ia menjalani HAT dan SAT pada pertengahan tahun 2025.

b. Littoral Mission Ship (LMS)

Melalui peruntukan kewangan yang telah diluluskan dalam RMKe-11 dan RMKe-12, TLDM berjaya memperoleh empat buah kapal *Littoral Mission Ship Batch 1* (LMSB1) yang ditempatkan di Pangkalan TLDM Teluk Sepanggar, Kota Kinabalu. Pada masa ini, Kementerian Pertahanan sedang melaksanakan perolehan tiga buah kapal *Littoral Mission Ship Batch 2* (LMBS2) yang telah diluluskan melalui *Rolling Plan Ke-3* secara GtoG dengan Kerajaan Turkiye.

c. Markas Wilayah Laut 4 (MAWILLA 4) di Bintulu, Sarawak

Kementerian Pertahanan telah mendapat kelulusan bagi pembangunan pangkalan TLDM yang baharu iaitu Markas Wilayah Laut 4 (MAWILLA 4) di Bintulu, Sarawak. Cadangan untuk mewujudkan Pangkalan TLDM yang baharu di Sarawak adalah hasil penilaian strategik berpusat kepada dua perkara utama iaitu melindungi kepentingan sumber negara serta mempertahankan kedaulatan negara daripada insiden pencerobohan asing.

5. **Kedua, pelaksanaan operasi dan peningkatan kapasiti.**
6. Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) telah membangunkan pelan pembangunan keupayaan domain laut bagi memperkasakan keupayaan pertahanan dan kapasiti ATM dalam mencegah sebarang bentuk ancaman di kawasan perairan negara terutamanya di Laut China Selatan.
7. Pihak TLDM bersama-sama dengan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) juga sentiasa melaksanakan rondaan dan pengawasan dengan memperagakan kehadiran (*show of presence*) di Laut China Selatan.
8. Ini bagi memastikan kesedaran domain maritim atau *Maritime Domain Awareness* (MDA) sentiasa berada pada tahap tertinggi serta kedaulatan Zon Maritim Malaysia (ZMM) sentiasa terpelihara.

9. Antara operasi yang dilaksanakan adalah:
 - a. TLDM - Op SATRIA, Op Sinar Samudera, Op Daulat Benua.
 - b. TUDM - Op DAYA, Op Rondaan Maritim Pelantar Minyak.
 - c. Op Bersepadu antara TLDM dan APMM.
 - d. Eksesais Bersama Shield melibatkan Amerika Syarikat, Australia, Singapura, dan Indonesia.
 - e. Eksesais Bersama LIMA (Lima Negara, Five Power Defence Arrangements, FPDA), melibatkan Malaysia, Singapura, Australia, New Zealand dan United Kingdom (UK).
10. **Ketiga, memperkukuh diplomasi pertahanan.**
11. Selain kesiagaan aset dan operasi bersepadu pada setiap masa, Kementerian Pertahanan turut menjadikan pengukuhan diplomasi pertahanan secara dua hala dan pelbagai hala sebagai salah satu strategi dalam memastikan keselamatan negara dan kestabilan serantau.
12. Ini termasuklah memanfaatkan kedudukan dan penglibatan kita dalam ASEAN khususnya melalui libat urus secara konstruktif dengan rakan sejawat melalui platform kerjasama pertahanan dua hala dan pelbagai hala seperti *ASEAN Defence Ministers' Meeting* (ADMM) dan ADMM Plus dalam mengendalikan isu-isu keselamatan termasuk keselamatan maritim di Laut China Selatan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN SANISVARA NETHAJI RAYER
A/L RAJAJI [JELUTONG]**

TARIKH : 15 OKTOBER 2024 (SELASA)

SOALAN

TUAN SANISVARA NETHAJI RAYER A/L RAJAJI [JELUTONG] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kementerian untuk menaik taraf Klinik Kesihatan Jalan Perak di Jelutong, Pulau Pinang kerana klinik kesihatan tersebut sudah tidak lagi mampu menampung bilangan pesakit yang semakin meningkat setiap hari.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mempunyai perancangan untuk membina sebuah klinik kesihatan (KK) baharu bagi menggantikan KK sedia ada dan perancangan ini juga melibatkan cadangan pembangunan bersama Pejabat Kesihatan Daerah. Perkara ini akan dikemukakan sebagai cadangan projek di bawah senarai permohonan projek RMKe-13, RP1 Tahun 2026.

2. Untuk makluman, beberapa kerja naik taraf klinik juga telah dilaksanakan di Klinik Kesihatan Jalan Perak sepanjang tahun 2023/2024 seperti berikut :

- (i) kerja-kerja menaik taraf stor racun Unit Vektor;
- (ii) kerja-kerja dan ubahsuai pembaikan bilik dan ruang di Unit Orthodontik;
- (iii) kerja-kerja menaik taraf bilik stor bahan pergigian di Pejabat Pergigian Daerah Timur Laut;
- (iv) kerja-kerja pendawaian semula elektrik; dan
- (v) kerja-kerja menaik taraf kafeteria untuk dijadikan pejabat Unit Vektor dan Makmal Entomologi.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN LO SU FUI (TAWAU)

TARIKH : 15 OKTOBER 2024 (SELASA)

SOALAN

TUAN LO SU FUI [TAWAU] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan jaminan membina jejambat di Jalan Kuhara (Lampu Isyarat Takada) dan Jalan Apas (Bulatan Batu 4) yang perlu dilaksanakan memandangkan kesesakan lalulintas yang amat teruk yang dilalui setengah juta orang sehari di mana mereka mengorbankan hampir 2-3 jam untuk sampai ke destinasi.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jalan yang dimaksudkan adalah Laluan Persekutuan 13 Jalan Sandakan- Tawau.

Kementerian ini mengambil maklum masalah kesesakan yang di Jalan Kuhara (Lampu Isyarat Takada) dan Jalan Apas (Bulatan Batu 4) sepanjang Laluan Persekutuan 13. Sehubungan itu, disyorkan supaya Ahli Yang Berhormat mengemukakan cadangan projek tersebut kepada pihak Kerajaan Negeri melalui Unit Perancang Ekonomi Negeri atau JKR Negeri untuk dimasukkan dalam senarai keutamaan Negeri dalam Rolling Plan (RP) yang akan datang.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian ini telah mendapatkan kelulusan bagi projek **Membina Jalan Tawau Bypass Empat (4) Lorong Dua (2) Hala Dari Persimpangan Jalan Utara Ke Persimpangan Jalan Runggu/Jalan Sandakan - Tawau (R013), Tawau, Sabah (Kerja Awalan & Rekabentuk)** pada Rolling Plan 4, Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) di mana cadangan ini membolehkan pengguna melalui Jalan Kuhara dan Jalan Utara untuk ke kawasan Timur Laut bandar Tawau seperti Balung dan Runggu tanpa perlu melalui bandar Tawau.

Skop kerja awalan bagi projek ini melibatkan skop kerja ukur tanah, kerja siasatan tapak / *site investigation* (SI), kajian EIA (tertakluk kepada keperluan Jabatan Alam Sekitar), *Traffic Impact Assessment* (TIA), *Social Impact Assessment* (SIA), Pemetaan Utiliti, penyediaan rekabentuk terperinci dan lain-lain skop yang diperlukan berdasarkan keperluan projek. Kerja-kerja awalan ini sedang dalam peringkat perolehan untuk melantik perunding bagi setiap skop projek dan SST dijangka dikeluarkan pada awal November 2024. Keseluruhan skop kerja awalan ini akan dilaksanakan dalam tempoh 14 bulan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, prosedur bagi permohonan projek membina jalan baharu atau menaiktaraf Jalan Persekutuan sedia ada

adalah melalui Kerajaan Negeri berdasarkan senarai keutamaan negeri yang dikemukakan kepada Kementerian ini melalui penyelarasan antara Unit Perancang Ekonomi Negeri dan Jabatan Kerja Raya Negeri.

Kementerian ini akan meneliti cadangan projek ini apabila dimohon oleh Kerajaan Negeri berdasarkan senarai keutamaan Negeri pada masa yang akan datang dan akan diberi pertimbangan yang sewajarnya untuk diangkat kepada Agensi Pusat jika memenuhi keperluan teknikal untuk dilaksanakan, tertakluk kepada agihan peruntukan pembangunan kepada Kementerian ini.

Berdasarkan maklumat yang diterangkan tadi, Kementerian ini sentiasa terbuka untuk menerima syor atau cadangan daripada Kerajaan Negeri untuk menaik taraf atau membina baharu jalan berdasarkan senarai keutamaan daripada Negeri.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN MORDI BIMOL [MAS GADING]

TARIKH : 15 OKTOBER 2024 (SELASA)

SOALAN

YB TUAN MORDI BIMOL [MAS GADING] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan statistik terkini unit MyKiosk yang telah disediakan serta yang telah beroperasi di seluruh negara mengikut pecahan negeri dan apakah cabaran Kementerian dalam memperluaskan program MyKiosk ke semua PBT seluruh negara termasuk ke daerah Bau dan Lundu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, Kerajaan MADANI sentiasa fokus kepada pembangunan potensi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) sebagai organisasi yang kukuh kewangan melalui kerancangan ekonomi setempat dan peningkatan daya saing ekonomi supaya PBT dapat berdiri dengan sendiri, sekaligus mengurangkan kebergantungan kepada Kerajaan Persekutuan mahu pun negeri. Selain itu, kesejahteraan rakyat dapat terus diberi keutamaan melalui peningkatan taraf ekonomi mereka.

Dalam hubungan ini, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah memperkenalkan **program MyKiosk@KPKT pada tahun 2023 dengan peruntukan sebanyak RM50 juta**. Inisiatif ini adalah bertujuan untuk memulih dan meningkatkan taraf ekonomi penjaja dan peniaga kecil yang tidak mempunyai persekitaran berniaga yang kondusif melalui penyediaan ruang niaga yang selamat dan seragam di lokasi yang dibenarkan dan merupakan tempat tumpuan awam.

Program ini telah mendapat sambutan hangat daripada para penjaja dan peniaga kecil di mana **seramai 3,189 peniaga telah mendapat manfaat daripada program ini pada tahun 2023**. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 2,913 (91%) gerai telah beroperasi sepenuhnya manakala baki 276 (9%) gerai masih dalam proses pengisian peniaga oleh pihak PBT dengan jangkaan pengoperasian sepenuhnya pada penghujung tahun 2024. Bagi meneruskan usaha murni ini, Kerajaan Malaysia MADANI menyediakan **peruntukan tambahan sebanyak RM100 juta di bawah program MyKiosk 2.0 pada tahun 2024, dengan 4,046 unit kiosk tambahan sedang dalam proses pembinaan**. Pengisian peniaga akan dilaksanakan secara berperingkat bermula bulan November 2024.

Pecahan **MyKiosk mengikut negeri bagi tahun 2023 dan 2024** adalah seperti Jadual 1 dan 2 di bawah:

JADUAL 1: INISIATIF BELANJAWAN TAHUN 2023-MYKIOSK@KPKT				
BIL	NEGERI	JUMLAH UNIT KIOSK	BIL. PENGISIAN PENIAGA	BIL. UNIT TIADA PENGISIAN
1	JOHOR	316	314	2
2	KEDAH	128	119	9
3	KELANTAN	330	279	51
4	MELAKA	120	120	0
5	NEGERI SEMBILAN	187	182	5
6	PAHANG	262	249	13
7	PERAK	251	243	8
8	PERLIS	30	30	0
9	PULAU PINANG	80	70	10
10	SELANGOR	350	320	30
11	TERENGGANU	196	171	25
12	SABAH	529	476	53
13	SARAWAK	410	340	70
JUMLAH KESELURUHAN		3,189	2,913	276

JADUAL 2: INISIATIF BELANJAWAN TAHUN 2024-MYKIOSK@KPKT		
BIL	NEGERI	JUMLAH UNIT KIOSK
1	JOHOR	869
2	KEDAH	150
3	KELANTAN	149
4	MELAKA	83
5	NEGERI SEMBILAN	172
6	PAHANG	516
7	PERAK	469
8	PERLIS	60
9	PULAU PINANG	-
10	SELANGOR	626
11	TERENGGANU	166
12	SABAH	541
13	SARAWAK	152
14	WILAYAH PERSEKUTUAN	93
JUMLAH KESELURUHAN		4,046

SOALAN NO : 33

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, **jumlah kiosk yang diluluskan oleh KPKT adalah berdasarkan kepada permohonan daripada pihak PBT. Justeru, cabaran utama yang dihadapi dalam memperluaskan inisiatif ini adalah seperti berikut :**

- i. **Pengisian peniaga oleh pihak PBT** di mana terdapat sesetengah peniaga yang kurang memberikan kerjasama untuk berpindah ke lokasi kiosk; dan
- ii. **Lokasi penetapan kiosk** yang bersesuaian mengambil kira ruang yang sesuai, mudah menjadi tumpuan pengunjung dan faktor keselamatan ke atas kedua-dua peniaga dan pengunjung.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat juga, pihak KPKT melalui Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) telah mengambil **langkah-langkah intervensi bagi mengatasi cabaran** yang dihadapi seperti berikut:

- i. **Melaksanakan naziran projek MyKiosk** di seluruh kawasan pentadbiran PBT. Naziran projek MyKiosk tahun 2023 telah dilaksanakan oleh JKT pada **bulan Julai sehingga bulan September 2024 melibatkan 114 PBT di seluruh negara** yang bertujuan untuk mengenal pasti isu-isu pelaksanaan berkaitan dengan pengisian peniaga, kesesuaian penempatan lokasi kiosk serta cadangan penambahbaikan kepada pihak PBT untuk memastikan kiosk dapat memberi manfaat kepada peniaga kecil;
- ii. **Sesi libat urus bersama Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK)** untuk memantau pengisian peniaga di mana laporan pengisian peniaga perlu dikemukakan oleh PBT kepada KPKT pada setiap bulan; dan
- iii. **Mewujudkan pangkalan data peniaga** untuk melihat jumlah pengisian yang sebenar di kawasan pentadbiran PBT.

SOALAN NO : 33

Khusus bagi kawasan Lundu dan Bau pula, KPKT telah menyalurkan peruntukan sebanyak **RM750,000** bagi pembinaan **50 unit kiosk di seluruh kawasan pentadbiran Majlis Daerah Lundu pada tahun 2023**, manakala sebanyak **RM500,000** pula kepada **Majlis Daerah Bau untuk pembinaan 20 unit kiosk pada tahun 2024**. KPKT yakin usaha seumpama ini mampu memelihara kebajikan penjaja dan peniaga kecil, selari dengan aspirasi Belanjawan Kerajaan MADANI yang memfokuskan penstrukturan semula ekonomi bagi melonjak pertumbuhan dan kesejahteraan rakyat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : DATO' HAJI SHAMSHULKAHAR BIN
MOHD DELI [JEMPOL]
TARIKH : 15 OKTOBER 2024 (SELASA)

SOALAN

DATO' HAJI SHAMSHULKAHAR BIN MOHD DELI [JEMPOL] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah langkah yang diambil oleh Kementerian bagi memastikan setiap negeri mampu meningkatkan purata penghasilan hasil padi daripada 4 tan per hektar kepada 12 tan per hektar agar penghasilan padi negara mampu mencapai 100 peratus tahap Tahap Sara Diri (SSL).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kadar Sara Diri atau SSR beras negara bagi tahun 2023 adalah sebanyak 56.2 peratus. Ini bermaksud lebih 40 peratus daripada keperluan domestik ditampung melalui import beras daripada luar negara. Menyedari kepentingan dalam memastikan keterjaminan makanan, pelbagai langkah telah diambil bagi meningkatkan hasil pengeluaran padi antaranya dengan memperkenalkan “Gelombang Padi”. Sebanyak 12 inisiatif yang digariskan di bawah Gelombang Padi yang bertujuan meningkatkan hasil pengeluaran padi. Antara inisiatif tersebut ialah:

- (i) Memperkenalkan Dasar Baharu Insentif Benih Padi Sah (IBPS);
- (ii) Memulih dan membangunkan kawasan tanah jerlus;
- (iii) Memperkasa pembekalan input pertanian;
- (iv) Memperkasa pengurusan air;
- (v) Memperluas pelaksanaan program SMART Sawah Berskala Besar (SMART SBB) Ala Sekinchan;
- (vi) Memperluas pelaksanaan Program 5:2 secara berperingkat;
- (vii) Memperkenalkan kaedah pembayaran belian padi secara online kepada pesawah di seluruh negara;
- (viii) Mengurangkan Kehilangan Hasil Lepas Tuai (KLT);
- (ix) Membangunkan sistem bersepadu yang mengintegrasikan semua maklumat berkaitan industri padi dan beras (SMART Padi);
- (x) Membangunkan sistem soil profiling berdasarkan Site Specific Nutrient Management (SSNM) yang lengkap bagi kawasan jelapang padi;
- (xi) Memperkasa penanaman padi bukit dan huma di Sabah dan Sarawak dengan menyediakan peruntukan bagi pembekalan input pertanian; dan
- (xii) Meningkatkan produktiviti hasil padi dengan perluasan kawasan baharu jelapang padi.

KPKM telah mengambil langkah proaktif dalam usaha menambah baik mekanisme pelaksanaan sedia ada dan merangka hala tuju baharu bagi industri padi dan beras negara. Selain inisiatif di atas, KPKM melalui agensi penyelidikan seperti Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) terus mempergiat usaha untuk menghasilkan benih padi yang berhasil tinggi serta rintang penyakit. Seiring dengan perubahan teknologi, KPKM terus menggalakkan penggunaan teknologi moden di kalangan pesawah bagi meningkatkan produktiviti dan pendapatan pesawah.

Pada masa ini, KPKM telah melancarkan Gerakan Reformasi Industri Padi dan Beras yang mengandungi inisiatif-inisiatif seperti berikut:

- (i) pengasingan kuasa melibatkan Bahagian Pembangunan Industri Padi (PIP), Kawalselia Padi Beras (KPB) dan wakil kerajaan dalam Padiberas Nasional Berhad (BERNAS);
- (ii) mewujudkan peraturan baharu larangan percampuran beras putih tempatan dengan beras putih import termasuk kajian daya saing struktur harga padi dan beras;
- (iii) penggabungan penguatkuasa di bawah KPKM bagi memperkukuh kawal selia sektor agromakanan; dan
- (iv) reformasi pentadbiran Lembaga Pertubuhan Peladang dan Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI DR. WAN AZIZAH DR.
WAN ISMAIL
[BANDAR TUN RAZAK]**

TARIKH : 15 OKTOBER 2024 (SELASA)

SOALAN

DATO' SERI DR. WAN AZIZAH DR. WAN ISMAIL [BANDAR TUN RAZAK] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan statistik terkini kes jangkitan MPox di Malaysia dan golongan sasaran yang akan menerima antivirus Tecovirimat (TPOXX) dan Vaksin MVA-BN bagi virus MPox.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sehingga 1 Oktober 2024, sebanyak 10 kes disahkan MPox telah dilaporkan di Malaysia iaitu:

- (a) sembilan (9) kes yang berlaku pada tahun 2023; dan
- (b) satu (1) kes yang dilaporkan pada 16 September 2024.

2. Namun begitu, tiada kematian akibat MPox dilaporkan. Setakat ini, jumlah kes MPox adalah rendah dan KKM masih meneruskan aktiviti surveilans dan pengesanan kes di samping memantau perkembangan semasa kes MPox di luar negara dan negara jiran.

3. Kebanyakan gejala MPox adalah ringan dan jangkitan MPox boleh sembuh dengan sendiri tanpa memerlukan rawatan khusus. Rawatan antiviral akan diberikan mengikut tahap keterukan jangkitan berdasarkan nasihat daripada Pakar Perubatan. Rawatan Tecovirimat (TPOXX) boleh diberikan kepada individu yang berisiko tinggi untuk mendapat komplikasi seperti individu yang mempunyai imuniti rendah dan mereka yang mempunyai gejala yang teruk.

4. Berhubung dengan vaksin MVA-BN, vaksin ini akan diberikan secara bersasar melalui dua (2) pendekatan iaitu:

- (a) vaksinasi pencegahan primer pra-pendedahan (*primary preventive (pre-exposure) vaccination - PPV*);**

PPV diberikan kepada individu berisiko tinggi terdedah kepada jangkitan MPox termasuk petugas makmal yang mengendalikan sampel untuk ujian mengesan virus *monkeypox* (MPXV).

- (b) vaksinasi pencegahan (selepas pendedahan) (*post-exposure preventive vaccination - PEPV*).**

NO. SOALAN: 35

PEPV diberikan kepada kontak rapat kes yang disahkan MPox yang terdedah, antaranya melalui kontak fizikal langsung dengan lepuh pada kulit atau membran mukus atau cecair tubuh kes disahkan MPox atau petugas kesihatan yang terdedah tanpa penggunaan Peralatan Perlindungan Diri (*Personal Protective Equipment- PPE*) yang lengkap.

5. Strategi pemberian Tecovirimat (TPOXX) dan Vaksin MVA-BN ini adalah selari dengan garis panduan yang ditetapkan di peringkat antarabangsa oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), Pusat Kawalan dan Pencegahan Penyakit (CDC) dan Pihak Berkuasa Regulatori (EU/USA).

6. Selain itu, Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan bahawa adalah penting bagi orang awam terus mengamalkan langkah-langkah pencegahan yang disarankan. Perkara ini termasuk menjaga kebersihan diri, mengelakkan kontak fizikal dengan individu yang menunjukkan gejala, dan mendapatkan rawatan segera jika bergejala. KKM juga mengingatkan orang awam agar sentiasa mematuhi arahan dan panduan kesihatan, terutamanya mereka yang tergolong dalam golongan berisiko tinggi.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN EDWIN ANAK BANTA [SELANGAU]

TARIKH : 15 OKTOBER 2024 (SELASA)

SOALAN

TUAN EDWIN ANAK BANTA [SELANGAU] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan usaha Kementerian untuk memperluas program ladang komuniti di Selangau serta bagaimana inisiatif ini akan menyokong keterjaminan makanan di kawasan terpencil dan manfaat yang diharapkan untuk petani tempatan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) melalui Jabatan Pertanian (DOA) telah menyalurkan peruntukan sebanyak RM40,000 di daerah Selangau, Sarawak melalui Program Pembangunan Pertanian Komuniti pada tahun 2023 yang telah memberi manfaat kepada seramai 20 individu. Di bawah program ini, DOA telah menyediakan insentif berbentuk *in-kind* kepada peserta meliputi perkara berikut:

- (i) bahan input (baja, biji benih, media tanaman – tanah campuran, sabut kelapa, *peatmoss*);
- (ii) peralatan kecil pertanian (*planter box/bag*, pasu, peralatan kecil-*gardening tools*, cangkul, *secateurs* dan sebagainya);
- (iii) sistem tanaman tanpa tanah-Hidroponik (Sistem Fertigasi Titis, Sistem *Nutrient Film Technique* (NFT), sistem *Deep Flow Technique* (DFT) menggunakan Solar Panel;
- (iv) Set Sistem Penuaian Air Hujan (*Rain Water Harvesting*);
- (v) Set Batas Tanaman (*Raised Bed*) lengkap dengan Sistem Pengairan Air untuk siraman; dan
- (vi) Set Peralatan Pembuatan Kompos dari sisa tanaman.

Selain itu, sejumlah RM23,700 telah diperuntukkan kepada kawasan Parlimen Selangau bagi tujuan pelaksanaan Program Kebuniti MADANI pada tahun 2023, di mana seramai 10 orang peserta telah menerima manfaat daripada pelaksanaan program-program tersebut. Pemberian bantuan dan insentif ini adalah untuk menggalakkan penduduk komuniti di Selangau memanfaatkan tanah dan ruang yang ada dengan aktiviti pertanian bagi mengurangkan kos sara hidup dan menjana pendapatan daripada hasil yang diperolehi.

NO. SOALAN : 36

KPKM melalui Jabatan dan Agensi di bawahnya bersedia membantu memperluaskan program ladang komuniti di Selangau antaranya melalui pelaksanaan aktiviti tambah nilai seperti penghasilan kompos daripada sisa buangan pertanian komuniti dan penghasilan produk industri asas tani bagi menjana pendapatan daripada aktiviti di sepanjang rantai nilai.

Penglibatan dan sokongan pemimpin tempatan dalam aktiviti pertanian komuniti di Selangau dapat memastikan program ini dapat diperluas dan dimanfaatkan oleh komuniti Selangau seterusnya menjamin bekalan makanan di kawasan Selangau.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN PRABAKARAN A/L M
PARAMESWARAN
[BATU]**

TARIKH : 15 OKTOBER 2024 (SELASA)

SOALAN

TUAN PRABAKARAN A/L M PARAMESWARAN [BATU] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah Kementerian berhasrat untuk memperkenalkan sukan-sukan baharu ke peringkat nasional seperti sukan lacrosse, break dance dan lain-lain bagi memastikan kualiti serta variasi sukan mengikuti kehendak dunia hari ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Belia dan Sukan (KBS) menyambut baik usaha oleh pelbagai pihak untuk memperkenalkan dan mempromosikan sukan-sukan baharu di negara ini. Sekiranya terdapat pihak yang ingin mendaftarkan sukan baharu, ia perlu memenuhi syarat-syarat ditetapkan oleh Pesuruhjaya Sukan seperti terkandung dalam Pekeliling Pesuruhjaya Sukan Bilangan 1 Tahun 2021 (Pendaftaran Badan Sukan) dan Surat Pekeliling Pesuruhjaya Sukan Bilangan 1 Tahun 2022 (tambahan Pekeliling Pesuruhjaya Sukan Bil 1 Tahun 2021).

Pertimbangan untuk permohonan sukan baharu ini adalah tertakluk kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Pesuruhjaya Sukan. Sekiranya Jawatankuasa bersetuju untuk sukan tersebut disenaraikan dalam Jadual A, Pekeliling Pesuruhjaya Sukan Bilangan 2 Tahun 2023, maka barulah badan sukan bagi sukan tersebut boleh didaftarkan.

Pada tahun 2023, KBS telah menambah 55 sukan baharu dan dimasukkan ke dalam senarai jenis sukan di bawah jadual pertama Akta Pembangunan Sukan (Akta 576). Antara sukan baharu tersebut termasuk sukan lacrosse dan sukan tarian.

Pada tahun 2024, KBS melalui Jabatan Belia dan Sukan Negara (JBSN) telah mengadakan klinik pengenalan sukan baharu untuk sukan *Pickle Ball* dan *Walking Football* yang telah dilaksanakan di 15 negeri seluruh negara. Selain daripada mengetengahkan sukan-sukan ini kepada rakyat Malaysia, KBS turut memberikan suntikan dana melalui Dana Sukan Komuniti (DSK) untuk pembangunan sukan-sukan tersebut. Bagi tujuan rekod, Sukan *Pickle Ball* telah menerima sebanyak RM305 ribu dan Sukan *Walking Football* pula telah menerima RM187,450 ribu secara keseluruhan pada tahun 2024.

SOALAN NO : 37

Manakala bagi pembangunan sukan tarian, sebanyak RM 896,500 telah diperuntukkan pada tahun 2024 dan RM368,750 pada tahun 2023 melalui Geran Padanan Sukan dan Dana Sukan Komuniti.

Sekian, Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATUK SUHAIMI BIN NASIR [LIBARAN]

TARIKH : 15 OKTOBER 2024 (SELASA)

SOALAN

DATUK SUHAIMI BIN NASIR [LIBARAN] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk mewujudkan sebuah Pusat Pemunggahan Hasil Perikanan di Parlimen Libaran supaya hasil tangkapan nelayan tidak dimonopoli orang tengah yang menerima keuntungan lebih baik daripada nelayan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) melalui Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) menyediakan pelbagai kemudahan yang diperlukan nelayan termasuk kemudahan Pusat Pemungghahan Hasil Perikanan atau Pusat Pengumpulan dan Pengedaran Ikan (CCDC).

CCDC dibina bertujuan untuk menyediakan platform mengumpul dan meneroka pasaran baru, mewujudkan prasarana pemasaran yang inklusif untuk usahawan pemasar dan Persatuan Nelayan yang terlibat, serta memberi sokongan pemasaran bagi mengurangkan penguasaan orang tengah dalam rantai pemasaran ikan.

Bagi negeri Sabah, CCDC LKIM telah dibina di Kudat dan nilai urusan niaga pada tahun 2024 berjumlah RM20,382.75 dengan kuantiti jualan berjumlah 0.678 tan metrik.

Bagi Parlimen Libaran, tiada CCDC yang dibangunkan oleh LKIM buat masa ini. LKIM sedia memberikan kerjasama sepenuhnya untuk mengkaji keperluan membina CCDC di Libaran bergantung kepada kemampuan semasa dan peruntukan yang disalurkan dengan mengambil kira ketersediaan tanah serta lokasi yang strategik.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB
[BERA]

TARIKH : 15 OKTOBER 2024 (SELASA)

SOALAN

DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB [BERA] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah tindakan yang diambil untuk mengatasi isu orang tengah yang menyebabkan kemiskinan dalam kalangan petani dan nelayan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) bertanggungjawab dalam memastikan kepentingan golongan petani dan nelayan terpelihara serta memperoleh pendapatan yang setimpal dengan hasil pertanian dan tangkapan mereka.

Orang tengah atau perantara pasaran dalam rantai pembekalan dan pemasaran hasil keluaran pertanian dan tangkapan serta produk agromakanan mempunyai pelbagai fungsi dan peranan antaranya aktiviti pengumpulan, pelabelan, pemprosesan dan pengedaran produk pertanian. Perkhidmatan yang ditawarkan ini adalah penting untuk memastikan keluaran pertanian dan bahan makanan dapat diagihkan dan disampaikan kepada pengguna di seluruh negara dengan selamat dan terjamin kualitasnya.

Namun, bagi mengatasi isu manipulasi orang tengah dalam kalangan petani dan nelayan, KPKM melalui Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) telah melaksanakan pelbagai inisiatif seperti berikut:

- (i) **membangunkan outlet peruncitan kepada pengguna** seperti Pasar Tani, Pasar Tani Kekal, Pasar Nelayan, Agrobazaar dan Peladang Outlet serta secara atas talian melalui platform **Agrobazaar Online**;
- (ii) **melaksanakan Program Rakan Pemasar Kontrak Pemasaran (RPKP)** iaitu kerjasama strategik usahawan pemasar bimbingan FAMA dengan peserta Ladang Kontrak bertujuan memendekkan rantai pengedaran barang keperluan seperti hasil pertanian daripada ladang sehingga ke pengguna akhir;

- (iii) menyediakan kemudahan **Pusat Pengumpulan dan Pengedaran Ikan (CCDC)** sebagai salah satu infrastruktur pemasaran hasil perikanan supaya rangkaian pasaran ikan dapat dilaksanakan dengan lebih sistematik dan membantu Persatuan Nelayan dan penternak akuakultur untuk memasarkan dan menjual sendiri produk mereka terus kepada pengguna; dan
- (iv) melaksanakan program **Jualan Agro MADANI** di seluruh negara berkonsepkan jualan secara terus hasil ladang yang berjaya meningkatkan pendapatan petani dan nelayan sehingga 20 peratus.

Di samping itu, KPKM turut menyediakan pelbagai bantuan untuk meningkatkan tahap sosioekonomi golongan petani dan nelayan antaranya Elaun Sara Hidup Pesawah, Elaun Sara Hidup Nelayan dan Insentif Hasil Tangkapan Nelayan.

KPKM yakin strategi mengurangkan manipulasi orang tengah, disokong dengan bantuan Kerajaan mampu mengeluarkan petani dan nelayan dari kelompok kemiskinan melalui peningkatan pendapatan golongan ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK LARRY SOON @ LARRY SNG WEI
SHIEN [JULAU]**

TARIKH : 15 OKTOBER 2024 (SELASA)

SOALAN

YB DATUK LARRY SOON @LARRY SNG WEI SHIEN [JULAU] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah Kementerian akan menggalakkan dan memudahkan pendaftaran Bomba Sukarelawan bagi rumah-rumah panjang yang terletak di kawasan terlalu jauh dan sukar atau tidak dapat diakses oleh pihak bomba.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) sentiasa berusaha untuk memastikan khidmat kebombaan terus diperkasa dan diperluas kepada seluruh masyarakat, termasuklah di kawasan-kawasan rumah panjang di Sarawak. Perkara ini adalah selaras dengan **aspirasi Kerajaan MADANI** yang sentiasa mengutamakan kebajikan dan kesejahteraan rakyat dengan memastikan **tiada jurang dalam penyampaian perkhidmatan Kerajaan**, malah ia merentas kepelbagaian latar geografi penduduk.

Kementerian melalui JBPM menyambut baik pandangan Ahli Yang Berhormat dan telah pun melaksanakan program berasaskan komuniti termasuk pemerksaan komuniti rumah panjang di Sarawak seperti berikut:

- i. meningkatkan penubuhan **Pasukan Bomba Sukarela (PBS)**. Sehingga kini, sebanyak **39 pasukan** yang aktif telah ditubuhkan dengan keahlian seramai **1,661 orang ahli**. Pasukan **PBS di kawasan rumah panjang** pula terdiri daripada **14 pasukan** dengan keahlian seramai **483 orang ahli**;
- ii. memperkasakan penubuhan **Bomba Komuniti** yang kini terdapat sebanyak **1,080 pasukan** dengan keahlian seramai **11,154 orang ahli**. Ahli-ahli Bomba Komuniti ini akan diberikan kefahaman tentang pencegahan kebakaran, latihan kebombaan dan penyediaan peralatan asas kawalan awal kebakaran seperti alat pemadam api;

- iii. melaksanakan dan mempertingkatkan **kempen kesedaran keselamatan kebakaran** termasuk **Program 1 Rumah 1 Alat Pemadam Api (1RAPI)** yang kini telah mencatatkan penyertaan seramai **1,139 orang** melalui pelaksanaan **32 program** bermula dari tahun 2021 hingga 2024. Manakala **Program Sedia Urus Isi Rumah (SURI)** pula merekodkan penubuhan sebanyak **103 pasukan** dengan penglibatan komuniti seramai **1,140 orang** dari tahun 2020 hingga 2024; dan
- iv. JBPM telah menjadi pasukan teras dalam menubuh serta memperkasakan pasukan ***Community Emergency Response Team (CERT)*** yang mana **ahli-ahlinya terdiri daripada penduduk rumah panjang dan pedalaman**. JBPM memainkan peranan penting dalam memberi pendedahan serta latihan bagi mengendalikan sebarang insiden kecemasan termasuklah kebakaran dan penyelamatan. Sehingga kini, sebanyak **69 pasukan CERT** telah ditubuhkan dengan keahlian seramai **11,644 orang ahli**.

KPKT melalui JBPM sentiasa membantu komuniti yang berminat untuk mewujudkan PBS di lokasi-lokasi yang berisiko dan jauh dari balai bomba yang berhampiran seperti kawasan rumah panjang. Cadangan penubuhan sesebuah PBS boleh dirujuk terus kepada Ketua Balai Bomba dan Penyelamat berhampiran. Pendaftaran pasukan perlu dibuat dengan pihak **Jabatan Pertubuhan Pendaftaran Malaysia (ROS)** melalui sistem dalam talian untuk membolehkan aktiviti dilaksanakan secara sah.

KPKT melalui JBPM akan sentiasa membantu dan memberikan sokongan bagi membolehkan pasukan sukarela yang belum berdaftar melaksanakan pendaftaran dan diharapkan Ahli Yang Berhormat juga dapat memberikan sokongan sepenuhnya bagi mana-mana komuniti yang berminat untuk membuat pendaftaran PBS.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **TUAN KHOO POAY TIONG**
[KOTA MELAKA]

TARIKH : **15 OKTOBER 2024 (SELASA)**

SOALAN

TUAN KHOO POAY TIONG [KOTA MELAKA] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan secara terperinci bagi tahun 2009 hingga 2024:

- (a) jumlah jawatan doktor pakar serta pegawai perubatan tetap yang telah diwujudkan; dan
- (b) jumlah jawatan pegawai perubatan tetap yang terpaksa dikurangkan untuk menambah jawatan pakar perubatan secara tukar-ganti (*trade-off*) di fasiliti KKM.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berdasarkan kepada analisis data Kementerian Kesihatan, setakat 30 Jun 2024, sebanyak 43,392 perjawatan pegawai perubatan telah diwujudkan di Kementerian Kesihatan meliputi:

- (a) 8,470 jawatan pakar perubatan iaitu peningkatan sebanyak 49.6% berbanding 4,273 jawatan pakar perubatan pada tahun 2012; dan
- (b) 34,922 jawatan pegawai perubatan iaitu peningkatan sebanyak 30.4% berbanding 24,310 jawatan pegawai perubatan pada tahun 2012.

2. Berhubung pewujudan jawatan pakar perubatan secara tukar ganti, sebanyak 2,299 jawatan pegawai perubatan telah ditukar ganti (*trade-off*) kepada 2,299 jawatan pakar perubatan antara tahun 2022 hingga 2024. Pewujudan jawatan pakar perubatan secara tukar ganti dilaksanakan atas kepentingan perkhidmatan untuk menempatkan pegawai perubatan yang telah diwartakan kepakaran.

3. Namun begitu, bagi menangani keperluan jawatan pegawai perubatan, termasuk pegawai pergigian dan pegawai farmasi, kerajaan pada 19 Januari 2022 telah meluluskan pewujudan sekurang-kurangnya 1,500 jawatan tetap tambahan mulai tahun 2023 hingga 2025 dan 800 jawatan pakar perubatan dan 70 pakar pergigian pada setiap tahun mulai tahun 2023.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK WETROM BIN BAHANDA
[KOTA MARUDU]**

TARIKH : 15 OKTOBER 2024 (SELASA)

SOALAN

DATUK WETROM BIN BAHANDA [KOTA MARUDU] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapa jumlah aset kenderaan ambulans di Hospital Kota Marudu dan apakah Kementerian mempunyai perancangan untuk menambah bilangan dan membaik pulih aset kenderaan yang di gunakan di Hospital Kota Marudu yang telah uzur dan boleh mendatangkan bahaya kepada pesakit.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pada ketika ini, Hospital Kota Marudu di Sabah mempunyai 7 buah kenderaan ambulans. Sebanyak tiga (3) buah ambulans yang berfungsi dengan baik, dua (2) buah yang rosak tetapi sedang dibaiki, dan dua (2) buah lagi rosak, tidak berfungsi dan dalam proses pelupusan. Berdasarkan kepada polisi Perkhidmatan Kecemasan dan Trauma KKM tahun 2012, norma bilangan ambulans yang diperlukan oleh Hospital Marudu adalah sebanyak sepuluh (10) buah ambulans bagi menampung keperluan respons kecemasan 999, *interfacility transfer* dan sebagainya.

2. Sebagai langkah jangka masa pendek, Hospital Kota Marudu telah dijadualkan untuk menerima dua (2) buah ambulans pada tahun 2025 iaitu sebuah ambulans pada Januari 2025 dan sebuah ambulans lagi pada April 2025. Untuk jangka masa panjang, pihak kementerian sedang meneliti beberapa cadangan bagi menampung jurang yang masih ada khusus untuk hospital ini termasuk kaedah penyumberluaran perkhidmatan ambulans, kerjasama dengan agensi kerajaan lain seperti Jabatan Bomba & Penyelamat (JBPM) dan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM), serta kerjasama dengan badan auksilari kerajaan seperti Bulan Sabit Merah Malaysia (BSMM) dan St John Ambulans Malaysia (SJAM) atau pertubuhan bukan kerajaan lain.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATUK JONATHAN BIN YASIN (RANAU)

TARIKH : 15 OKTOBER 2024 (SELASA)

SOALAN

DATUK JONATHAN BIN YASIN [RANAU] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan kesesakan jalan Persekutuan di kawasan Pekan Ranau dan juga di Kundasang sudah ke tahap yang sangat teruk terutama semasa perayaan dan/atau cuti umum kerana pengguna jalan yang sangat ramai. Bilakah Kementerian mengambil tindakan proaktif untuk menyelesaikan masalah dijalan Persekutuan ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jalan yang dimaksudkan di pekan Ranau ke Kundasang adalah Laluan Persekutuan 22.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya telah menerbitkan Pelan Pembangunan Rangkaian Jalan Raya atau Highway Network Development Plan (HNDP) yang meliputi seluruh Malaysia yang mengenalpasti keperluan menaiktaraf jalan sedia ada atau membina jalan baharu yang melibatkan jalan persekutuan dan jalan utama negeri.

Kajian HNDP juga merangkumi pelbagai aspek kajian seperti isipadu trafik, guna tanah, ekonomi, alam sekitar dan sosio-ekonomi bagi mewujudkan rangkaian jalan raya yang lebih efisien melibatkan negeri dan wilayah-wilayah yang berkaitan. Pelaksanaan cadangan projek yang dikenalpasti dalam HNDP ini dijangka akan dapat mengurangkan kesesakan lalu lintas dan mewujudkan rangkaian jalan raya yang lebih efisien.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya kini sedang menjalankan Kajian Pelan Pembangunan Rangkaian Jalan Raya 2040 atau Highway Network Development Plan 2040 (HNDP 2040) bagi menggantikan HNDP Fasa 2 (Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan). HNDP 2040 merupakan satu kajian dalam mengenalpasti keperluan pembangunan jaringan jalan raya sama ada jalan baharu mahupun naiktaraf jalan bagi ketiga-tiga wilayah yang melibatkan jalan persekutuan dan jalan utama negeri.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, hasil semakan KKR di dalam Kajian HNDP mendapati terdapat cadangan Menaiktaraf Jalan Tamparuli - Ranau (S26) yang menghubungkan Bandar Ranau ke Bandar Kundasang, Sabah. Namun begitu, pelaksanaan projek - projek jalan yang dikenalpasti dalam Kajian HNDP tersebut adalah tertakluk kepada permohonan dan keutamaan Negeri kepada Kementerian Kerja Raya.

Kementerian ini mengambil maklum masalah kesesakan di kawasan Pekan Ranau dan Kundasang. Sehubungan itu, disyorkan supaya Ahli Yang Berhormat mengemukakan cadangan projek tersebut kepada pihak Kerajaan Negeri melalui Unit Perancang Ekonomi Negeri atau JKR Negeri untuk dimasukkan dalam senarai keutamaan Negeri dalam Rolling Plan (RP) yang akan datang.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, prosedur bagi permohonan projek membina jalan baharu atau menaiktaraf Jalan Persekutuan sedia ada adalah melalui Kerajaan Negeri berdasarkan senarai keutamaan negeri yang dikemukakan kepada Kementerian ini melalui penyelarasan antara Unit Perancang Ekonomi Negeri dan Jabatan Kerja Raya Negeri.

Kementerian ini akan meneliti cadangan projek apabila ia dimohon oleh Kerajaan Negeri berdasarkan senarai keutamaan Negeri dan akan diberi pertimbangan yang sewajarnya untuk diangkat kepada Agensi Pusat jika memenuhi keperluan teknikal untuk dilaksanakan, tertakluk kepada agihan peruntukan pembangunan kepada Kementerian ini.

Berdasarkan maklumat yang diterangkan tadi, Kementerian ini sentiasa terbuka untuk menerima syor atau cadangan daripada Kerajaan Negeri untuk menaik taraf atau membina baharu jalan berdasarkan senarai keutamaan daripada Negeri.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN
[HULU LANGAT]**

TARIKH : 15 OKTOBER 2024 (SELASA)

SOALAN

TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN [HULU LANGAT] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan perancangan pihak Kementerian dalam proses mengganti aset ketenteraan negara bagi membolehkan kawalan keselamatan negara dapat ditingkatkan lagi memandangkan banyak aset ketenteraan negara telah berusia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pertahanan sentiasa berusaha memastikan keupayaan dan kesiapsiagaan pertahanan negara sentiasa berada pada tahap yang terbaik.
2. Ini merangkumi perancangan perolehan aset strategik pertahanan dan peralatan ketenteraan yang baharu. Namun begitu, keputusan mengenai perolehan aset dan peralatan ketenteraan yang baharu haruslah melalui proses penilaian yang teliti dan berdasarkan keperluan sebenar setiap perkhidmatan Angkatan Tentera Malaysia (ATM).
3. Pada masa ini, pertimbangan bagi pembelian aset ketenteraan yang baharu dilaksanakan melalui penilaian berdasarkan kepada keperluan Keupayaan Angkatan Masa Hadapan (AMH) selaras dengan Kertas Putih Pertahanan (KPP) dan Strategi Ketenteraan Negara 2.0 (SKN 2.0).
4. Penerbitan SKN 2.0 adalah bagi mendukung aspirasi pertahanan negara dengan menjadikan Kertas Putih Pertahanan dan Dasar Pertahanan Negara sebagai sumber rujukan utama. Dokumen ini menjelaskan perancangan strategik ketenteraan yang digubal secara holistik serta inklusif bagi mencapai objektif ketenteraan sekali gus membolehkan angkatan ini mendapat kelebihan strategik dalam apa jua keadaan.
5. Di bawah AMH, setiap perkhidmatan mempunyai pelan pemodenan dan kesiagaan aset yang tersendiri. Ini termasuklah:
 - a. Di bawah Pelan Transformasi 15to5, TLDM merancang untuk perolehan aset baharu seperti Kapal Peronda Generasi Kedua (LCS), kapal misi pesisir (*Littoral Mission Ship Batch II* - LMSB2) dan kapal sokongan pelbagai guna (MRSS).

- b. Di bawah Pelan Pembangunan Keupayaan Strategik Tentera Darat (Army 4NextG), Tentera Darat merancang memperoleh Sistem Meriam Bergerak, *Self-Propelled Howitzer* (SPH).
 - c. Di bawah Pelan Pembangunan Keupayaan TUDM - *RMAF Capability Development Plan 2055* atau CAP55, penstrukturan keupayaan melalui perolehan aset melibatkan, antaranya, Maritime Patrol Aircraft (MPA), Medium Altitude Long Endurance Unmanned Aerial System (MALE UAS), Light Combat Aircraft (LCA) dan rundingan perolehan pesawat pejuang jenis F/A-18 Hornet dari Kuwait.
6. Secara asasnya, pemodenan dan kesiagaan aset ini menitikberatkan aspek-aspek seperti kebersamaan, kebolehoperasian, berasaskan teknologi, berorientasikan misi, berkeupayaan untuk beroperasi di dua wilayah (Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak) dan kecekapan logistik.
 7. Oleh itu, pembelian aset-aset pertahanan dan peralatan ketenteraan yang baharu ini akan mengambil kira kesemua ciri-ciri tersebut dengan mempertimbangkan faktor-faktor seperti kecekapan, kesan strategik, kebolehoperasian dan kepatuhan terhadap undang-undang.
 8. Pihak ATM telah menetapkan perancangan jangka panjang bagi pembangunan keupayaan pertahanan merangkumi pemodenan aset pertahanan kerana setiap perolehan mengambil tempoh masa yang lama kerana aset dan kelengkapan ini perlu dihasilkan mengikut keperluan operasi dan spesifikasi teknikal yang ditetapkan oleh setiap perkhidmatan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK SERI IR. DR. WEE KA SIONG
[AYER HITAM]

TARIKH : 15 OKTOBER 2024 (SELASA)

SOALAN

DATUK SERI IR. DR. WEE KA SIONG [AYER HITAM] minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan komitmen terkini kementerian dalam usaha menangani isu buli siber dan apakah kementerian masih mempertimbangkan penganan tindakan terhadap komen di platform media sosial termasuk aplikasi seperti *WhatsApp* yang digunakan untuk berkomunikasi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam aspek perundangan dan penguatkuasaan undang-undang, Kementerian Komunikasi telah mengambil pendekatan bersepadu melalui Pasukan Petugas Khas Menangani Jenayah Dalam Talian yang dianggotai pelbagai kementerian, jabatan dan agensi terlibat bertujuan untuk mengharmonikan usaha-usaha semakan perundangan dan pembangunan akta baharu bagi menangani jenayah dalam talian termasuk jenayah buli siber.

Kerajaan telah melaksanakan semakan perundangan untuk mengatasi kelompongan dalam undang-undang sedia ada bagi membolehkan penguatkuasaan dan pendakwaan yang lebih efektif ke atas pembuli siber melalui pindaan Kanun Keseksaan (Akta 574) dan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (Akta 588) serta membangunkan Rang Undang-Undang Keselamatan Dalam Talian yang akan memperkenalkan peruntukan-peruntukan khusus terhadap kesalahan buli siber.

Berhubung tindakan terhadap komen-komen di platform media sosial, Kementerian Komunikasi melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) sedang mempertingkatkan tindakan kawal selia dan penguatkuasaan yang lebih tegas terhadap mana-mana pihak yang dikenal pasti terlibat dalam aktiviti buli siber di platform media sosial, termasuk komen di platform pesanan internet seperti aplikasi *WhatsApp*. Bagi aplikasi yang bercirikan penyulitan hujung ke hujung (*end-to-end encryption*), tindakan diambil berdasarkan aduan awam.

Bagi memastikan tindakan kawal selia dan penguatkuasaan yang lebih menyeluruh, Kerajaan telahewartakan keperluan pelesenan atas penyedia perkhidmatan platform dalam talian merangkumi penyedia perkhidmatan pesanan internet dan media sosial di bawah Akta 588 pada 1 Ogos 2024 dan akan berkuat kuasa pada 1 Januari 2025. Penyedia perkhidmatan perlu memohon Lesen Kelas Pemberi Perkhidmatan Aplikasi [ASP(C)] di bawah Akta 588. Keperluan pelesenan ke atas penyedia perkhidmatan adalah bagi memastikan mereka

SOALAN NO : 45

bertanggungjawab dan memainkan peranan yang penting dalam mewujudkan ekosistem dalam talian yang lebih selamat kepada pengguna platform mereka. Ini termasuk menangani secara efektif kandungan mudarat dengan memperkuat sistem dan proses mereka dalam mengurangkan jenayah siber seperti penipuan dalam talian, jenayah seksual khususnya ke atas kanak-kanak dan buli siber.

Orang ramai yang menjadi mangsa atau mengetahui orang lain yang menjadi mangsa kemudaratan dalam talian termasuk buli siber adalah dinasihatkan untuk tampil membuat aduan kepada MCMC. Aduan boleh disalurkan melalui saluran rasmi Aduan MCMC supaya tindakan yang sewajarnya dapat diambil oleh MCMC atau agensi penguatkuasaan lain yang berkaitan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TAN SRI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG
[MARANG]**

TARIKH : 15 OKTOBER 2024 (SELASA)

SOALAN

TAN SRI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG [MARANG] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan apakah Kerajaan Persekutuan bersedia bekerjasama dan membantu negeri-negeri yang ditadbir oleh Pembangkang agar jurang ketidakseimbangan pembangunan antara wilayah dapat diatasi selaras dengan konsep federalisme yang perlu dihormati oleh semua pihak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, seiring dengan konsep MADANI yang diilhamkan oleh YAB Perdana Menteri, Kerajaan sentiasa berusaha ke arah memastikan pembangunan yang seimbang dilaksanakan merentasi wilayah dan negeri, **termasuk negeri-negeri yang ditadbir oleh pembangkang**. Ini penting bagi memastikan supaya setiap lapisan masyarakat dapat menikmati pembangunan yang adil dan saksama serta kesejahteraan semua rakyat terjamin. Komitmen Kerajaan telah dizahirkan di dalam Kajian Separuh Penggal (KSP) RMKe-12 yang bermatlamatkan “Malaysia MADANI: Mampan, Sejahtera dan Berpendapatan Tinggi.

Kerajaan juga sedang dalam penyediaan RMK13. Peranan negeri sangat penting dalam penyediaan RMK13 ini kerana ia melibatkan pendekatan *top-down and bottom-up planning*. Kementerian Ekonomi melancarkan jelajah Sesi Libat Urus (SLU): 'MADANI Mendengar' dengan SLU pertama telah diadakan di Selangor pada 1 Oktober 2024. Sesi jelajah ini akan diadakan di semua negeri dan Wilayah Persekutuan. Kerajaan mengambil **pendekatan keseluruhan negara, atau *whole-of-nation approach*** yang melibatkan seluruh jentera dan agensi kerajaan, industri serta masyarakat untuk memberi peluang rakyat menyuarakan pandangan dan cadangan dalam usaha membantu membentuk masa depan negara dalam melaksanakan pembaharuan ke arah Malaysia MADANI.

Di samping itu, **fungsi agensi utama yang bertindih pada peringkat Persekutuan dan negeri** akan dijajarkan bagi perancangan pembangunan dan penyelarasan yang lebih baik. Pelaksanaan inisiatif ini akan menyumbang kepada kerjasama dan kolaborasi yang lebih kukuh antara agensi Persekutuan dan negeri.

Kerajaan juga akan terus membangunkan dan menambah baik penyediaan infrastruktur asas yang menyeluruh termasuk negeri-negeri yang ditadbir oleh Pembangkang seperti Perlis, Kedah, Kelantan dan

Terengganu untuk mencapai keseimbangan wilayah dengan penyediaan Peruntukan Pembangunan (DE) yang adil dan saksama.

Di bawah *Rolling Plan 4 Tahun 2024*, negeri-negeri tersebut telah diluluskan peruntukan pembangunan asas sebanyak *RM6.84 bilion bagi melaksanakan 1,485 projek pembangunan di bawah pelbagai Kementerian. Beberapa projek pembangunan utama yang sedang dilaksanakan di negeri-negeri adalah seperti:

- i. Projek Membina Lebuhraya Kota Bharu Ke Kuala Krai, Kelantan (Pakej 2C & 3A: Kok Lanas ke Bukit Tiu);
- ii. Rancangan Tebatan Banjir Sungai Kedah/Anak Bukit, Kedah;
- iii. NCER - Kemudahan Infrastruktur Di Kawasan Pembangunan Lembah Chuping, Perlis; dan
- iv. ECER - Pembangunan Kuala Terengganu City Centre (KTCC) - Fasa II

Kerajaan percaya bahawa segala perancangan dan pelaksanaan projek pembangunan tersebut akan menyumbang kepada pertumbuhan negeri-negeri tersebut dan seterusnya akan memberikan pelbagai manfaat untuk kesejahteraan rakyat.

Sekian, terima kasih.